

**GARIS PANDUAN MENGENAI  
PERANAN, TUGAS,  
BIDANGKUASA PEGAWAI  
PENDAKWA DAN  
TATACARA MAHKAMAH**

R  
44.595046

MAL  
2003



R 344.595046 MAL 2003



22563

Garis panduan mengenai peranan, tugas, bidangkuasa pegawai  
pendakwa dan tatacara mahkamah / Jabatan Alam Sekitar.

## PRAKATA

Jabatan Alam Sekitar adalah agensi yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya. Penguatkuasaan yang berkesan antara lain bergantung kepada keberkesanan pendakwaan sesuatu kes terhadap pihak yang melakukan kesalahan. Hukuman berat yang dijatuhkan oleh Mahkamah akan mencerminkan seriusnya sesuatu kesalahan dan ini dapat mencegah pesalah mengulangi kesalahan atau mengelak pihak lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Dalam hal ini, pegawai pendakwa haruslah memahami prosedur-prosedur mahkamah, memahami undang-undang yang relevan dan memiliki ciri-ciri kepeguaman yang baik supaya dapat membentangkan kes pendakwaan dengan baik dan teratur serta dapat menyangkal pembelaan yang dikemukakan oleh peguambela atau pesalah sendiri. Oleh itu, garis panduan ini disediakan untuk memberikan panduan kepada pegawai pendakwa memahami peranan, tugas dan bidangkuasa sebagai pegawai pendakwa secara mendalam agar beliau dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan, insya Allah.

HAJAH ROSNANI BT IBARAHIM  
Ketua Pengarah Alam Sekitar

### Rakaman Penghargaan

Jabatan ini merakamkan penghargaan kepada Cik Wong Mee Ling, Penasihat Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar dalam penyediaan garis panduan ini.

CONTROL NUMBER	0000020574
ACCESSION NUMBER	22563 / HQ
DATE	

## GARISPANDUAN MENGENAI PERANAN, TUGAS, BIDANGKUASA PEGAWAI PENDAKWA DAN TATACARA MAHKAMAH

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan sesuatu prosiding jenayah. Seksyen 376 Kanun Prosedur Jenayah ("KPJ") memperuntukkan bahawa Peguam Negara adalah juga Pendakwa Raya. Beliau berkuasa mengawal dan memberikan arahan-arahan atas semua pendakwaan dan prosiding jenayah melainkan prosiding-prosiding di bawah Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Tentera.
- 1.2 Pendakwa Raya boleh melantik orang yang layak menjadi Timbalan Pendakwa Raya yang mana akan tertakluk dibawah kawalan dan arahan Pendakwa Raya dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang ada atau dijalankan oleh Pendakwa Raya di bawah undang-undang kecuali apa-apa hak atau kuasa yang dinyatakan wajar dilakukan oleh Pendakwa Raya sendiri. (lihat seksyen 376 (iii) Kanun Acara Jenayah).
- 1.3 Selain daripada Timbalan Pendakwa Raya, tertakluk kepada kawalan dan arahan Pendakwa Raya, orang-orang berikut yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan:
  - (a) seorang peguambela;
  - (b) seorang polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor;
  - (c) seorang pegawai mana-mana Jabatan Kerajaan;
  - (d) seorang pegawai mana-mana pihak berkuasa tempatan;
  - (e) seorang pegawai mana-mana pihak berkuasa atau badan berkanun ; atau
  - (f) mana-mana orang yang diambil kerja atau digajikan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun.
- 1.4 Pegawai Jabatan Alam Sekitar yang dilantik sebagai pegawai pendakwa untuk menjalankan pendakwaan bagi kes-kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 hendaklah memohon surat pemberian kuasa di bawah Seksyen 377(b) (iii) KPJ daripada Timbalan Pendakwa Raya di negeri di mana pegawai pendakwa bertugas atau daripada Penasihat Undang-Undang Jabatan. Contoh Surat Pemberian Kuasa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- 1.5 Hanya pegawai pendakwa yang diberi kuasa secara bertulis boleh menghadiri Mahkamah. Oleh itu, pegawai pendakwa hendaklah memastikan surat pemberian kuasa diperolehi sebelum menghadiri Mahkamah dan hendaklah mengemukakan surat pemberian kuasa

tersebut setiap kali menghadiri Mahkamah. Pada kebiasaannya, surat pemberian kuasa dibawah Seksyen 377(b) (iii) KPJ dikemukakan kepada Mahkamah pada tarikh hari pertama kes yang didakwa disebut di Mahkamah berkenaan. Adakalanya pegawai pendakwa tidak kemukakan surat kuasa berkenaan dan pihak pembela telah membangkitkan bantahan. Ini telah menyebabkan kes pendakwaan ditolak oleh Mahkamah.

- 1.6 Seseorang pegawai yang mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya 3 tahun dalam penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pernah menghadiri kursus asas pendakwaan boleh disyorkan dilantik sebagai pegawai pendakwa.
- 1.7 Pegawai atasan pegawai pendakwa hendaklah memastikan pegawai yang berpengalaman dan telah menghadiri sekurang-kurangnya kursus asas pendakwaan ini sebelum dilantik sebagai pegawai pendakwa.
- 1.8 Pegawai yang berjawatan Pegawai Kawalan (PK) dan Penolong Pegawai Kawalan Kanan (PPKK) yang fasih dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah wajar dilantik sebagai pegawai pendakwa.

## 2. TUJUAN PENDAKWAAN

2.1 Tujuan pendakwaan adalah:

- (1) Menjaga kepentingan awam;
- (2) Menjaga hak asasi manusia;
- (3) Memberi hak membela diri pihak yang dituduh;
- (4) Mematuhi dasar-dasar Kerajaan;
- (5) Menentukan sama ada orang yang kena saman bersalah atau tidak disisi undang-undang; dan
- (6) Menuduh, membicarakan serta menghukum orang yang kena saman.

2.2 Dalam ertikata lain, pegawai pendakwa hendaklah bertindak menjaga kepentingan awam dan memastikan bahawa orang yang melakukan kesalahan dihadapkan ke muka pengadilan. Dalam menjalankan tugas di atas, pegawai pendakwa haruslah mengambil kira kepentingan awam dan kepentingan orang yang kena saman dan memastikan tanpa keraguan orang yang kena saman benar-benar melakukan kesalahan didakwa ke Mahkamah untuk menggelakkan orang yang tidak bersalah didakwa.

2.3 Adalah lebih baik membebaskan 10 orang yang bersalah daripada mensabitkan seorang yang tidak bersalah. Oleh yang demikian, seorang pegawai pendakwa haruslah melengkapkan diri dengan segala pengetahuan perundangan dan pengetahuan am untuk membolehkan seseorang pegawai pendakwa menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah.

## 3. SIKAP SESEORANG PEGAWAI PENDAKWA

- 3.1 Tugas pegawai pendakwa adalah untuk memastikan bahawa keadilan dicapai. Oleh itu, sikap yang patut dimiliki oleh seorang pegawai pendakwa adalah:
  - a) ikhlas, jujur, saksama dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas;
  - b) mempunyai sikap terbuka dan berterus terang. Sebagai contoh jangan cuba menyelindungi sesuatu kelemahan dalam kes kepada Majistret atau Hakim. Jika saksi penting utama tidak hadir jangan sembunyikan daripada Majistret atau Hakim.
  - c) berbudi bahasa dan bersopan santun terhadap Majistret atau Hakim, peguam, saksi, pegawai Mahkamah.
  - d) sentiasa membuat persediaan dalam perbicaraan. Pegawai pendakwa hendaklah meneliti kertas siasatan dan menemuduga saksi-saksi, memastikan kehadiran saksi-saksi, barang-

barang kes yang hendak dikemukakan sebagai bukti adalah dalam simpanan, menyediakan soalan-soalan yang akan ditanya kepada saksi-saksi. Sebelum sesuatu perbicaraan bermula, pegawai pendakwa hendaklah membuat persediaan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh ditetapkan untuk perbicaraan dan membincangkan soalan-soalan yang akan ditanya dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan.

- e) pegawai pendakwa hendaklah menerima apa juga keputusan Majistret atau Hakim dengan tenang walaupun keputusan itu mungkin tidak munasabah atau memihak pihak pendakwaan.
- f) pegawai pendakwa hendaklah mengemukakan semua fakta kes dan keterangan. Pegawai pendakwa hendaklah mengemukakannya dengan cara yang tersusun dan mudah tetapi dapat menyakinkan Mahkamah akan kesalahan orang yang kena saman. Pegawai Pendakwa adalah dilarang menyembunyikan apa-apa fakta dan keterangan kes ini daripada Mahkamah. Kegagalan tersebut boleh menyebabkan tindakan Mahkamah boleh diambil terhadap pegawai tersebut dan juga dikenakan tindakan tatatertib; dan
- g) pegawai pendakwa haruslah sentiasa mengingati bahawa *“Justice must not only be done but manifestly and undoubtedly be seen to be done”*.

#### 4. KATEGORI KES-KES

4.1 Secara amnya terdapat 3 kategori kes yang perlu dikendalikan oleh pegawai pendakwa di Mahkamah:

##### (a) Kes-kes yang ditetapkan untuk sebutan

Kebiasaannya melibatkan kes-kes baru di mana OKS dikemukakan untuk dipertuduh buat pertama kali. Tarikh sebutan juga ditetapkan untuk perkara-perkara lain contohnya:

- (i) menunggu keputusan daripada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan atas representasi yang dibuat oleh OKS; atau
- (ii) untuk OKS melantik peguam dan sebagainya.

##### (b) Kes-kes untuk jatuh hukum

Ini melibatkan kes di mana OKS telah mengaku salah dan hukuman ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu.

Contoh: menunggu laporan kimia, untuk mendapatkan rekod sabitan lampau (laporan cap jari) dan sebagainya.

##### (c) Kes-kes untuk bicara

Kebiasaannya kes-kes yang ditetapkan untuk dibicarakan akan ditangguhkan sebentar sehinggalah Mahkamah menyelesaikan kes-kes lain yang ditetapkan untuk sebutan atau jatuh hukum. Untuk kes-kes seperti ini pegawai pendakwa hendaklah mengambil tahu dari awal-awal lagi sama ada perbicaraan dapat dijalankan atau tidak dengan menyemak sama ada saksi-saksi penting telah disapina dan hadir, barang-barang kes yang ingin dikemukakan telah dibawa ke Mahkamah atau tidak.

Jika terdapat alasan yang tidak dapat dielakkan yang memerlukan kes ditangguhkan ke tarikh lain pegawai pendakwa perlulah memberitahu Majistret atau Hakim dari awal-awal lagi. Pegawai pendakwa hendaklah membuat permohonan penangguhan kes ini melalui surat sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh perbicaraan, sekiranya pegawai pendakwa mengetahui bahawa kes tersebut tidak dapat dijalankan sebelum tarikh ditetapkan untuk perbicaraan. Sesalinan surat permohonan hendaklah dihantar kepada Mahkamah dan peguambela OKS atau OKS sendiri jika OKS tidak diwakili.

## 5. PENYEDIAAN/PERSIAPAN UNTUK PERBICARAAN

- 5.1 Pada kebiasaannya prosiding jenayah terhadap seseorang OKS bermula apabila OKS dikemukakan buat kali pertama di Mahkamah supaya pengakuan dapat diambil daripada OKS atas pertuduhan yang disediakan terhadapnya. Pertuduhan ini biasanya disediakan oleh pegawai penyiasat kes itu. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai pendakwa untuk memastikan ketepatan atau kesesuaian pertuduhan tersebut. Pegawai pendakwa bolehlah merujuk kepada:
- (i) *The Law of Crimes oleh Rattanlal;*
  - (ii) *A Practical Handbook On Criminal Prosecution In The Subordinate Courts* oleh Teo Say Eng; dan
  - (iii) Undang-undang di mana kesalahan tersebut diperuntukkan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Keterangan 1950 dan Akta Tafsiran 1948 dan 1967.
- 5.2 Pegawai pendakwa di setiap negeri hendaklah sekurang-kurangnya mendapat buku rujukan seperti disebut di perenggan 5.1 (ii) dan (iii) atas.
- 5.3 Selain daripada memastikan ketepatan pertuduhan, pegawai pendakwa hendaklah meneliti kertas pertuduhan bagi memastikan bahawa semua butir-butir yang perlu telah dicatatkan atau dimasukkan dalam kertas pertuduhan itu.
- 5.4 Sebagai contoh nama dan Kad Pengenalan OKS, tarikh OKS disaman, nama pengadu, tarikh pengaduan, tarikh OKS pertama kali dibawa untuk dituduh di Mahkamah dan sebagainya.
- 5.5 Seandainya butir-butir tersebut tidak dicatatkan, pegawai pendakwa hendaklah mencatat sendiri atau mengarahkan pegawai penyiasat membuat demikian.

## 6. FAKTOR-FAKTOR YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN OLEH PEGAWAI PENDAKWA

- 6.1 Terdapat beberapa faktor yang perlu diberi perhatian oleh pegawai pendakwa sebelum sesuatu kes difailkan di Mahkamah.
- 6.2 Faktor-faktor itu adalah:

### 6.2.1. Perkara Umum

- (a) Bidangkuasa Mahkamah (Rujuk Seksyen 9 Kanun Prosedur Jenayah dan juga Akta Mahkamah Rendah)  
-sama ada OKS patut dituduh di Mahkamah Sesyen atau Majistret;
- (b) Keizinan mendakwa disertakan. Jika tidak, pegawai pendakwa perlu memohon keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebelum kes difailkan di Mahkamah;
- (c) Sama ada pertuduhan pilihan perlu dikemukakan atau tidak, pegawai pendakwa hendaklah berbincang dan mendapat persetujuan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebelum pertuduhan pilihan dikemukakan;
- (d) Bilangan kesalahan jika lebih daripada satu sama ada patut dibicarakan bersama atau berasingan;
- (e) Bilangan orang kena saman. Jika lebih daripada satu sama ada perlu dibicarakan bersama-sama atau berasingan;
- (f) Umur OKS;
- (g) Tarikh disaman;
- (h) Jaminan - sama ada OKS dijamin atau ditahan.

## 6.2.2 Kertas Siasatan

6.2.2.1 Penyediaan perbicaraan sepatutnya dimulakan sebaik sahaja pegawai pendakwa diserahkan kertas siasatan. Penyerahan kertas siasatan adalah perlu dibuat seawal-awalnya, iaitu sebaik sahaja siasatan diselesaikan oleh pegawai penyiasat dan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh ditetapkan untuk sebutan atau perbicaraan bagi membolehkan pegawai pendakwa meneliti secara terperinci sama ada semua tindakan telah dilaksanakan oleh pegawai penyiasat bagi mendapatkan keterangan yang diperlukan untuk membuktikan kes terhadap orang kena saman.

6.2.2.2 Adakalanya penyiasatan tidak dijalankan dengan teliti atau sempurna dimana banyak perkara-perkara yang perlu diperkemas tidak dilakukan oleh pegawai penyiasat telah menyebabkan kes-kes dilepaskan oleh Mahkamah. Adakalanya pegawai pendakwa tidak meneliti kertas siasatan sebelum perbicaraan dimulakan juga menyebabkan kes-kes ditolak oleh Mahkamah. Sebagai contoh, ahli kimia tidak dipanggil sebagai saksi walaupun notis di bawah seksyen 399 KPJ telah diserahkan oleh penguambela sebelum perbicaraan bermula. Dalam hubungan ini, pegawai pendakwa hendaklah meneliti kertas siasatan dengan terperinci dan memastikan segala notis yang diserahkan oleh penguambela dimasukkan dalam kertas siasatan dan ahli kimia disapina. Selain daripada itu, pegawai pendakwa dan pegawai penyiasat hendaklah saling bekerjasama dan membincang kes-kes ini bagi memastikan kelemahan-kelemahan yang ada itu dapat diatasi. Pegawai pendakwa bolehlah memberi apa-apa arahan yang patut kepada pegawai penyiasat untuk membuat siasatan lanjut dan sebagainya. Pegawai penyiasat hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai pendakwa dan melengkapkan sebarang siasatan yang diarahkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pegawai pendakwa.

6.2.2.3 Antara kelemahan-kelemahan yang sentiasa ditemui sewaktu meneliti kertas siasatan ialah:

- (a) salinan sah maklumat pertama tidak disertakan atau tidak ditandatangani;
- (b) laporan kimia tidak diserahkan kepada OKS ataupun diserahkan tidak ikut masa yang ditetapkan oleh undang-undang;
- (c) percakapan saksi-saksi penting tidak direkodkan;
- (d) rajah kasar atau gambar-gambar tidak diambil atau jikapun ada tidak berkaitan dengan kes;
- (e) senarai ekhsibit-ekhsibit tidak dicatatkan dalam kertas siasatan;
- (f) percakapan tambahan saksi-saksi tidak direkodkan setelah keterangan baru diperolehi;
- (g) dokumen-dokumen penting yang akan dikemukakan tidak diterjemahkan oleh penterjemah bertauliah;
- (h) sapina tidak dipohon atau tidak diserahkan kepada saksi-saksi atau keratan-keratan sapina untuk membuktikan penyampaian tidak dikemukakan;
- (i) butir-butir penting penyiasatan tidak dimasukkan dalam diari siasatan pegawai penyiasat;
- (k) butir-butir peribadi saksi-saksi, contoh nama panggilan, kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan sebagainya tidak dimasukkan dalam borang percakapan; dan
- (l) notis di bawah seksyen 399 KPJ yang diserahkan oleh penguambela untuk memanggil ahli kimia tidak dimasukkan dalam kertas siasatan.

## 6.3 Ringkasan Keterangan (*Prosecution Brief*)

6.3.1 Selepas pegawai pendakwa berpuas hati bahawa pegawai penyiasat telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu, tugas pegawai pendakwa seterusnya ialah untuk menyediakan ringkasan keterangan (*prosecution brief*) bagi kes yang akan dibicarakan.

6.3.2 Ringkasan keterangan itu haruslah mengandungi butir-butir seperti berikut:

- (a) tuduhan;
- (b) unsur kesalahan dan saksi-saksi yang patut dipanggil untuk membuktikan unsur-unsur tersebut;
- (c) susunan nama-nama saksi yang akan dipanggil untuk beri keterangan dan ringkasan keterangan yang berkaitan, barang kes yang akan dikemukakan dan saksi-saksi lain yang perlu dicamkan oleh mereka;
- (d) senarai barang-barang kes mengikut susunan pengemukaan;
- (e) format soalan-soalan dan jawapan bagi setiap saksi yang ingin dipanggil. Format soalan-soalan dan jawapan tersebut hendaklah disediakan awal-awal lagi dan haruslah berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebelum apa-apa perbincangan dimulakan. Contoh soalan-soalan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

6.3.3 Pegawai Pendakwa perlu bersedia dengan nas-nas kes (kes otoriti) dan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan tersebut. Pegawai Pendakwa juga harus dapat menjangkakan apa-apa bantahan permulaan atau masalah yang mungkin timbul dalam perbincangan tersebut. Oleh itu, pegawai pendakwa haruslah melengkapkan diri dan membiasakan diri dengan undang-undang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh OKS.

Contohnya:-

- (a) pegawai pendakwa harus tahu sama ada sesuatu kesalahan itu memerlukan keizinan untuk mendakwa atau tidak;
- (b) sama ada terdapat anggapan (*presumption*) undang-undang yang pegawai pendakwa boleh bergantung bagi membuktikan kesalahan itu;
- (c) isu tentang kebolehterimaan keterangan, prosedur tentang perbincangan dalam perbincangan;
- (d) prosedur pencabaran kebolehpercayaan saksi-saksi (*impeachment proceedings*) dan sebagainya.

6.3.4 Ini dapat membantu pegawai pendakwa dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan berjaya. Pegawai pendakwa hendaklah berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan seandainya tidak pasti dengan undang-undang yang berkaitan dan bantahan yang dibangkitkan oleh pegumabela. Dalam hubungan ini, pegawai pendakwa bolehlah memohon penangguhan kes perbincangan supaya isu-isu yang dibangkitkan oleh peguambela boleh dirujuk dan berbincang kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan.

6.3.5 Jika peguambela membangkitkan isu-isu menyentuh Perlembagaan Persekutuan, pegawai pendakwa hendaklah memohon penangguhan kes ini supaya merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan bagi arahan selanjutnya.

6.3.6 Adalah diingatkan bahawa Mahkamah Sesyen dan Majistret tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan isu-isu yang menyentuh Perlembagaan Persekutuan. Hanya Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa mendengar isu-isu Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, pegawai pendakwa hendaklah, selepas berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan memohon kepada Mahkamah berkenaan supaya menangguhkan prosiding Mahkamah supaya Mahkamah berkenaan dapat merujuk isu-isu itu kepada Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 30(1) Akta Kehakiman Mahkamah (*Court of Judicature Act*) 1964. Sesalihan Contoh Surat daripada Hakim Mahkamah Sesyen kepada YA Hikim Mahkamah Tinggi merujuk isu-isu Perlembagaan Persekutuan ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 30(1) Akta kehakiman Mahkamah 1964 seperti di **LAMPIRAN C**.

- 6.3.7 Adakalanya peguambela akan mengemukakan bantahan awal mengenai isu-isu seperti bidangkuasa pegawai pendakwa atau kecacatan pertuduhan. Pegawai pendakwa hendaklah bersedia menjawab bantahan yang dibangkitkan oleh peguambela. Sekiranya pegawai pendakwa tidak boleh menjawab bantahan berkenaan, pegawai pendakwa boleh memohon kes ini ditangguhkan untuk merujuk bantahan ini kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan supaya tidak menjejaskan kes pendakwaan. Contoh hujahan menjawab bantahan di lampirkan di **LAMPIRAN D dan E** masing-masing.
- 6.3.8 Sesalinan Contoh keputusan Mahkamah atas bantahan awal yang dibangkitkan oleh peguambela di **LAMPIRAN F**.

## 7. PERINGKAT PRE-TRIAL

- 7.1 Sebelum perbicaraan bermula (iaitu sebelum Mahkamah bersidang), pegawai pendakwa hendaklah berada di Mahkamah seawal-awalnya sebelum perbicaraan bermula, iaitu sebelum pukul 8.30 pagi tarikh perbicaraan supaya dapat memastikan beberapa perkara berikut:

### (a) Kehadiran Orang Kena Saman

- 7.1.1 Adakalanya dalam kes-kes tangkapan atau kes-kes saman, OKS dilepaskan dengan jaminan sementara menunggu perbicaraan. Oleh itu, pegawai pendakwa haruslah memastikan bahawa OKS hadir di Mahkamah. Jika OKS tidak hadir tanpa apa-apa alasan munasabah, pegawai pendakwa hendaklah memohon kepada Mahkamah agar mengeluarkan Waran Tangkap terhadap OKS dan Notis Tunjuk Sebab terhadap penjaminnya. Satu tarikh sebutan akan ditetapkan untuk penyerahan Waran Tangkap dan Notis Tunjuk Sebab itu. Jika OKS tidak jamin dan ditahan reman, adalah menjadi tugas pegawai pendakwa memohon Perintah Mahkamah (OTP) agar OKS dapat dikeluarkan dan dibawa ke Mahkamah di hari perbicaraan itu. Begitu juga bagi OKS yang sedang menjalani hukuman penjara atau tahanan bagi kes-kes lain.

### (b) Kehadiran saksi-saksi pendakwaan

- 7.1.2 Sebelum perbicaraan bermula, pegawai pendakwa hendaklah memaklumkan kepada saksi-saksi pendakwaan termasuk pegawai penyiasat berada di Mahkamah sebelum pukul 8.30 pagi pada tarikh perbicaraan. Pegawai pendakwa hendaklah memastikan saksi-saksi yang akan dipanggil telah disapina dan hadir. Bagi tujuan ini, pegawai pendakwa hendaklah menyemak bukti penyampaian sapina-sapina tersebut. Jika saksi-saksi hadir, pegawai pendakwa hendaklah memastikan mereka berada berdekatan di Mahkamah berkenaan atau memastikan mereka berada di bilik saksi agar mudah dipanggil untuk memberi keterangan. Bagi saksi-saksi yang telah diserahkan sapina tetapi tidak hadir tanpa alasan yang munasabah, pegawai pendakwa hendaklah memohon Mahkamah mengeluarkan Waran Tangkap terhadap mereka.
- 7.1.3 Beberapa saksi seperti pegawai perubatan, ahli kimia dan lain-lain pegawai Kanan Kerajaan tidak sepatutnya dibiarkan menunggu untuk memberi keterangan. Pegawai pendakwa haruslah menyesuaikan susunan saksi-saksi pendakwaan dengan memanggil mereka dahulu untuk memberi keterangan. Selepas mereka memberi keterangan, pegawai pendakwa hendaklah memohon kebenaran Mahkamah supaya mereka dilepaskan daripada menghadiri perbicaraan selanjutnya, jika tidak ada bantahan dari peguambela OKS atau OKS sendiri jika OKS tidak diwakili.
- 7.1.4 Pegawai pendakwa hendaklah melayan saksi-saksi dengan sopan dan hormat walaupun tegas.

**(c) Kehadiran pegawai penyiasat**

7.1.5 Pegawai pendakwa hendaklah memastikan pegawai penyiasat hadir dan berada di Mahkamah seawal-awalnya sebelum pukul 8.30 pagi pada tarikh perbicaraan. Ini dapat memastikan persediaan awal dibuat dan memastikan pegawai penyiasat telah serahkan sapina terhadap saksi-saksi yang akan dipanggil dan barang-barang kes dibawa ke Mahkamah. Adakalanya pegawai penyiasat yang datang lambat ke Mahkamah telah menyebabkan pegawai pendakwa tidak dapat membuat persediaan awal.

**(d) Barang-barang kes**

7.1.6 Pegawai pendakwa hendaklah menentukan terlebih dahulu bahawa barang-barang kes yang ingin dikemukakan ada dibawa ke Mahkamah oleh pegawai penyiasat sebelum perbicaraan bermula. Sekiranya barang-barang kes yang hendak dikemukakan sebagai bukti tiada di Mahkamah, pegawai pendakwa hendaklah mengarahkan pegawai penyiasat balik ke pejabat membawa barang-barang kes itu ke Mahkamah. Jika barang-barang kes tidak dapat dikesan walaupun usaha telah dibuat, pegawai pendakwa hendaklah memohon penangguhan kes ini. Surat Tunjuk Sebab hendaklah dikeluarkan terhadap pegawai penyiasat atas kecuaiannya mengemukakan atau menyimpan barang-barang kes dengan selamat.

**7.2 Penangguhan Kes**

7.2.1 Kadangkala kes-kes terpaksa ditangguhkan perbicaraannya atas beberapa sebab seperti saksi penting tidak dapat disapina, saksi sakit dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pegawai pendakwa janganlah sewenang-wenangnya memohon penangguhan atas alasan-alasan yang remeh dan kecil. Penangguhan yang sewenang-wenangnya akan menyebabkan ketidakadilan ke atas OKS dan saksi-saksi yang terlibat. Bagi kes-kes melibatkan penjawat awam, tahanan reman dan kepentingan awam, pegawai pendakwa hendaklah cuba menyelesaikan kes ini seberapa cepat yang boleh.

7.2.2 Seandainya pegawai pendakwa hendak memohon penangguhan sesuatu kes perbicaraan atas sebab-sebab tertentu, pegawai pendakwa hendaklah memohon kebenaran Mahkamah sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh perbicaraan. Mahkamah hanya membenarkan penangguhan kes atas alasan-alasan yang kukuh sahaja.

**8. PERBICARAAN**

8.1 Selepas menentukan perkara-perkara tersebut diatas telah dilaksanakan, pegawai pendakwa bolehlah memulakan perbicaraan kes terhadap OKS.

8.2 Prosedur bagi perbicaraan terus bagi kes-kes jenayah di Mahkamah Majisteret dan Sesyen diperuntukkan di bawah seksyen 173 dan seksyen 174 Kanun Prosedur Jenayah. Pegawai Pendakwa hendaklah memahami prosedur-prosedur tersebut.

8.3 Secara ringkasnya, apabila OKS dikemukakan ke Mahkamah untuk menghadapi pertuduhan maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan itu hendaklah dibacakan semula serta diterangkan kepadanya dalam bahasa yang difahami oleh OKS dan kemudian dia akan ditanya sama ada mengaku salah atas pertuduhan atau minta dibicarakan. Kadangkala walaupun kes ditetapkan untuk bicara OKS mungkin tukar fikiran dan ingin mengaku salah pada tarikh perbicaraan. Pegawai pendakwa hendaklah sentiasa bersedia dengan fakta kes dan barang-barang kes yang boleh dikemukakan jika OKS mengaku salah.

**(i) Prosedur jika OKS mengaku salah**

- 8.4 Jikalau OKS mengaku salah, adalah menjadi kewajipan pegawai pendakwa untuk memberikan keterangan dan fakta kes dan mengemukakan barang-barang kes yang berkaitan sebagai sokongan kepada tuduhan yang dihadapkan. Fakta kes mestilah jelas dan ringkas menunjukkan bahawa OKS telah melakukan kesalahan dan merangkumi semua kehendak peruntukan seperti yang disebutkan dalam pertuduhan. Pada kebiasaannya, fakta kes disediakan oleh pegawai penyiasat. Pegawai pendakwa hendaklah semak fakta kes tersebut dan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan untuk arahan jika ada keraguan tentang fakta kes.
- 8.5 Fakta kes yang dibaca kepada OKS dan OKS mestilah mengaku tanpa mempertikaikan apa-apa yang telah disebutkan dalam fakta kes atau bersyarat. Seandainya fakta kes dipertikaikan atau pengakuan dibuat dengan bersyarat, pengakuan salah tidak akan diterima oleh Mahkamah.
- 8.6 Sekiranya fakta kes tidak dipertikaikan, Mahkamah akan menerima pengakuan salah OKS. Harus diingati, untuk mengelakkan pertikaian atas fakta kes, pegawai pendakwa disarankan agar menaip fakta-fakta kes, menandatangani fakta kes selepas merujuk dan berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan.
- 8.7 Selain dari fakta kes, pegawai pendakwa harus juga mengemukakan barang-barang kes yang berkaitan dengan kesalahan tersebut dan OKS juga ditanya sama ada mengakui barang-barang kes tersebut.
- 8.8 Sebelum hukuman dijatuhkan ke atas OKS, Mahkamah akan mendengar dahulu rayuan bagi meringankan hukuman OKS dan selepas itu pegawai pendakwa boleh berhujah untuk minta hukuman berat dan memberitahu Mahkamah sama ada OKS mempunyai rekod lampau atau tidak. Kemudian Mahkamah akan mendapati OKS bersalah dan mensabtkannya. Mahkamah akan menjatuhkan hukuman ke atas OKS menurut hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.

**(ii) Prosedur jika OKS minta bicara**

- 8.9 Seandainya OKS selepas dibaca dan diterangkan pertuduhan meminta dibicarakan, pegawai pendakwa hendaklah meneruskan perbicaraan dengan memanggil saksi pertama untuk memberikan keterangan secara lisan dan disokong dengan mengemukakan dokumen-dokumen atau barang-barang kes lain.
- 8.10 Selepas pegawai pendakwa selesai menjalankan pemeriksaan utama, peguambela akan memeriksa balas saksi tersebut. Jika keterangan saksi yang perlu diperjelaskan, pegawai pendakwa bolehlah melakukan pemeriksaan semula saksi-saksi yang dipanggil.
- 8.11 Jika terdapat lagi saksi-saksi lain yang tidak begitu penting pada pihak pendakwa, saksi-saksi ini boleh ditawarkan kepada pihak pembela walaupun pada kebiasaan akan ditolak oleh pembela. Saksi-saksi ini kemudian bolehlah dilepaskan dan pihak pendakwa bolehlah menutup kesnya dan bersedia membuat penggulungan kes. Sebelum pegawai pendakwa menawarkan saksi-saksi itu kepada pihak pembela, pegawai pendakwa hendaklah memastikan saksi-saksi hadir dan berada di Mahkamah.

8.12 Sebelum pegawai pendakwa menutup kes pendakwaan atau selepas kes pendakwa ditutup dan sebelum penggulungan kes dibuat, pegawai pendakwa mendapati ada beberapa perkara penting yang perlu diperjelaskan daripada saksi-saksi yang telah dipanggil dan keterangan itu penting dalam menyokong kes pendakwaan, pegawai pendakwa hendaklah selepas berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan memohon kebenaran Mahkamah untuk memanggil semula saksi-saksi ini di bawah seksyen 425 KPJ. Sesalinan contoh permohonan di bawah Seksyen 425 KPJ adalah seperti di **LAMPIRAN G**.

**(iii) Hujah-hujah di akhir kes pendakwaan**

8.13 Dalam menyediakan hujah-hujah untuk penggulungan kes ini, pegawai pendakwa hendaklah meneliti keterangan-keterangan yang telah dikemukakan di Mahkamah, menyemak undang-undang yang berkaitan dan mengaitkan keterangan dengan perundangan dan fakta yang dibangkitkan agar ianya menjadi satu gambaran yang menunjukkan kepada Mahkamah bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKS, yang sekiranya tidak disangkal akan mensabitkan kesalahannya (lihat seksyen 173(f) Kanun Prosedur Jenayah).

8.14 Pegawai pendakwa hendaklah merujuk dan berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan mengenai hujahan-hujahan yang disediakan selewat-lewatnya satu minggu sebelum tarikh ditetapkan untuk penghujahan jika ada keraguan mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

8.15 Pegawai pendakwa boleh selepas berunding dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan memohon Mahkamah meminda pertuduhan asal berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan sebelum menggulungan kes. Pertuduhan pindaan hendaklah dibaca kepada OKS dan pengakuan perlu diambil. Adalah diingati bahawa pegawai pendakwa perlu mendapat persetujuan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebelum pertuduhan dipinda.

8.16 Mahkamah di akhir kes pendakwaan akan memanggil peguambela untuk menyampaikan hujah-hujah terlebih dahulu sama ada suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pegawai pendakwa terhadap OKS untuk OKS dipanggil membela diri. Pegawai pendakwa pula selain daripada membuat hujahan pendakwa mesti menjawab dan menyangkal hujah-hujah yang dibangkitkan oleh peguambela, menunjukkan dan menyakinkan Mahkamah bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesemua unsur-unsur kesalahan yang mana OKS dipertuduhkan dan memohon OKS dipanggil untuk membela diri.

8.17 Pada kebiasaannya, Mahkamah akan meminta kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan menyediakan hujahan secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah. Contoh penghujahan bertulis seperti di **Lampiran H, I dan J** masing-masing.

**(iv) Tugas Mahkamah di akhir kes pendakwaan**

8.18 Setelah mendengar kedua-dua hujah peguambela dan pegawai pendakwa, Mahkamah akan membuat keputusan sama ada untuk memanggil OKS membela diri atau tidak (sama ada pegawai pendakwa berjaya buktikan satu kes *prima facie*).

- 8.19 Kewajiban Mahkamah di akhir kes pendakwaan ialah membuat satu penilaian keterangan, memastikan pendakwaan telah membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKS. Seandainya Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKS, Mahkamah akan melepaskan dan membebaskan OKS.
- 8.20 Sekiranya Mahkamah berbuat demikian, pegawai pendakwa hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu keputusan tersebut kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan serta merta agar beliau dapat mengkaji keputusan itu dan memutuskan sama ada rayuan perlu difailkan terhadap keputusan Mahkamah itu.
- 8.21 Pegawai pendakwa hendaklah menyatakan dalam minit kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan apakah sebab-sebab Majistret atau Hakim melepaskan dan membebaskan OKS dan cadangan sama ada rayuan patut difailkan atau tidak.

**(v) Prosedur jika OKS dipanggil membela diri**

- 8.22 Seandainya Mahkamah memutuskan satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pegawai pendakwa, maka OKS akan dipanggil untuk membela diri. OKS akan diterangkan 3 pilihan iaitu sama ada:
- (1) Berdiam diri;
  - (2) Memberi keterangan dengan tidak bersumpah (iaitu di kandang OKS); atau
  - (3) Memberi keterangan bersumpah (di kandang saksi).
- 8.23 Sekiranya OKS berdiam diri maka Mahkamah akan menilai semua keterangan yang dikemukakan dan akan membuat keputusan sama ada OKS bersalah atau tidak.
- 8.24 Sekiranya OKS memberi keterangan tidak bersumpah dari kandang orang salah, Mahkamah bolehlah menimbangkan keterangannya. Keterangan ini tidak boleh disoal balas oleh pegawai pendakwa. Mahkamah terpaksa menimbangkan keterangan yang telah diberi dengan mengambil kira ia tidak disoal balas serta membuat keputusan sama ada melepaskan dan membebaskan OKS atau mensabikannya. Pemilihan cara memberi keterangan oleh OKS adalah hak mutlak OKS dan pegawai pendakwa tidak berhak mempertikaikannya.
- 8.25 Seandainya OKS memberi keterangan bersumpah ia akan diperiksa awal oleh penguambela, disoal balas oleh pegawai pendakwa dan kemudian diperiksa semula oleh penguambela. Setelah itu, OKS akan memanggil saksi-saksi yang akan memberi keterangan bagi pihaknya.
- 8.26 Sekiranya OKS memanggil saksi-saksi pembela lain bagi menyokong pembelaannya, pegawai pendakwa hendaklah mencabar dan menyangkal keterangan saksi-saksi pembelaan ini. Jika tidak, Mahkamah boleh menganggap pihak pendakwa menerima keterangan-keterangan tersebut. Ini boleh menjejaskan kes pendakwaan. Oleh itu, pegawai pendakwa hendaklah mahir dan memahami teknik-teknik menyangkal saksi-saksi ini. Adakalanya pegawai pendakwa boleh memohon kepada Mahkamah, walaupun di peringkat kes pembelaan, untuk memanggil saksi untuk menyangkal (*rebuttal witness*) pembelaan.

(vi) **Hujahan di akhir kes pembelaan**

8.27 Di akhir kes pembelaan, peguambela dan pegawai pendakwa akan diminta menggulung kes dan kedua-dua pihak pembela dan pendakwa diminta berhujah. Kadangkala Mahkamah akan minta kedua-dua pihak mengemukakan hujahan secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tidak, pegawai pendakwa hendaklah bersedia untuk berhujah di akhir kes pembelaan. Jika pegawai pendakwa tidak pasti mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peguambela melalui OKS, pegawai pendakwa hendaklah menangguhkan kes ini ke tarikh lain supaya dapat berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebelum membuat hujahan.

(vii) **Tugas Mahkamah di akhir kes pembelaan**

8.28 Mahkamah akan menimbang dan meneliti keterangan saksi-saksi pembelaan dan saksi-saksi pendakwaan. Mahkamah akan memutuskan sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan kes terhadap OKS melepasi keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) atau pihak pembela telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Jika Mahkamah mendapati pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah, maka Mahkamah akan mendapati OKS tidak bersalah dan dengan itu OKS akan dilepaskan dan dibebaskan.

8.29 Jika Mahkamah memutuskan keterangan saksi-saksi pembelaan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan, maka Mahkamah akan mendapati OKS bersalah dan mensabitkannya. Peguambela OKS diberi peluang membuat rayuan untuk meringankan hukuman yang akan dikenakan terhadap OKS.

8.30 Pegawai pendakwa sebagai pegawai yang bertanggungjawab menjaga kepentingan awam haruslah memohon Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya dan memohon apa-apa penalti yang diperuntukkan sebagai tambahan kepada hukuman yang dikenakan agar kepentingan awam dapat dipelihara. Pegawai pendakwa hendaklah bersedia berhujah meminta hukuman setimpal atau hukuman berat berdasarkan keseriusnan kesalahan, pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan umum, kepentingan awam dan kesalahan lampau OKS. Contoh hujahan peguam dan hujahan pendakwaan minta hukuman berat adalah seperti di **LAMPIRAN K dan L**.

8.31 Setelah Mahkamah menjatuhkan hukuman, pegawai pendakwa hendaklah memohon arahan dari Mahkamah tentang barang kes yang telah dikemukakan untuk tujuan pelupusan buangan terjadual dan penanggungan kos oleh OKS. Arahan yang dipohon hendaklah menurut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Kanun Prosedur Jenayah.

8.32 Pegawai pendakwa hendaklah merujuk keputusan kes dalam tempoh **10 hari** daripada keputusan Mahkamah dengan memberi pandangannya tentang keputusan kes kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan. Ini membolehkan mereka memasukkan notis rayuan sekiranya beliau tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan. Tempoh untuk memasukkan notis rayuan tamat 10 hari selepas keputusan kes. Oleh itu, adalah penting pegawai pendakwa memaklumkan keputusan Mahkamah kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Penasihat Undang-Undang Jabatan sebaik sahaja keputusan dibuat, sebaik-baiknya dalam masa dua puluh empat (24) jam daripada keputusan kes dibuat.

## 9. PENUTUP

- 9.1 Semua pegawai pendakwa dikehendaki mematuhi garis panduan ini agar memahami peranan dan bidangkuasa masing-masing serta tatacara Mahkamah supaya dapat menjalankan pendakwaan yang efisien dan berkualiti dan orang yang melakukan kesalahan disabitkan kesalahan supaya keadilan dapat ditegakkan.

Disediakan oleh :

Wong Mee Ling  
Penasihat Undang-Undang  
Jabatan Alam Sekitar  
31 Oktober 2002.

**KANUN TATACARA JENAYAH  
(NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU BAB 6)  
Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 377(b)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya oleh Seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 6) dan yang terletak pada saya mengikut seksyen 376(iii) Kanun Tatacara Jenayah, saya ..... Timbalan Pendakwa Raya dengan ini memberi kuasa kepada..... Penolong Pegawai Kawalan Kanan, dari Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk menjalankan pendakwaan di Mahkamah Sesyen/Majistret di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemberian kuasa ini adalah sah dan berkuat kuasa selama tempoh masa Pegawai yang namanya dinyatakan di atas bertugas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan menjalankan tugas-tugas pendakwaan.

Bertarikh

Timbalan Pendakwa Raya

SP1 - Pegawai dari TLDM

S : Dimanakah kamu bertugas sekarang?

S : Apakah tugas-tugas kamu?

S : Sudah berapa lama kamu bertugas dengan TLDM?

S : Adakah kamu bertugas pada 27 Julai 1997?

S : Di manakah kamu bertugas pada hari itu?

S : Apakah tugas kamu pada hari itu?

S : Adakah kamu berjaya mengesan kapal DAIAN MARU?

S : Adakah kamu tahan kapal itu?

S : Pukul berapa kamu tahan kapal itu?

S : Di manakah tempat kamu menahan kapal itu?

S : Apakah kamu lakukan selepas menahan kapal itu?

S : Siapakah pegawai yang kamu temui dari kapal PZ II dan serahkan tugas kepadanya?

S : Adakah ini merupakan pegawai yang kamu jumpa pada hari itu?

S : Apakah kamu lakukan selepas menyerahkan tugas?

SP2- KAPT MOHD. TAHIR

S : Dimanakah kamu bertugas sekarang?

S : Sudah berapa lama kamu bertugas di TUDM?

S : Apakah tugas-tugas kamu?

S : Adakah kamu bertugas pada 26 Julai 1997?

S : Di manakah kamu bertugas?

S : Apakah tugas kamu pada hari itu?

S : Adakah kamu bertugas seorang diri atau bersama-sama dengan orang lain?

S : Siapakah yang bertugas bersama-sama dengan kamu?

S : Adakah kamu pergi ke mana pada hari itu?

S : Ada apa-apa berlaku semasa rondaan dibuat?

S : Sila nyatakan masa dan lokasi kapal yang disyaki itu?

S : Bagaimana kamu menentukan lokasi itu?

S : Berapakah jarak lokasi kapal itu daripada Pulau terdekat?

S : Sila jelaskan dengan secara am mengenai kedudukan kapal itu.

S : Adakah kamu tahu nama kapal yang disyaki itu?

S : Adakah kamu tahu berapakah panjang dan lebar tumpahan minyak?

S : Adakah kamu tahu minyak itu berpunca dari mana?

S : Adakah kamu pasti minyak itu dari butiran kapal itu?

S : Bagaimana kamu tahu itu adalah minyak?

S : Adakah kapal-kapal lain disekitar lokasi kejadian itu?

S : Bolehkah kamu jelaskan berapa jauh 10 batu jejari?

S : Apakah kamu lakukan selepas temui kapal itu?

S : Apakah keadaan kapal semasa kamu temuinya pada kali pertama?

S : Adakah kapal itu bergerak pada bila-bila masa?

S : Adakah kapal itu ditahan?

S : Pukul berapa pesawat kamu meninggalkan tempat kejadian?

SP3- OMAR B. SYED

S : Sila beritahu mahkamah di mana kamu bertugas sekarang ?

S : Apakah tugas-tugas kamu?

S : Sudah berapa lama kamu bertugas di TUDM?

S : Adakah kamu bertugas pada 26 Julai 1997?

S : Di manakah kamu bertugas?

S : Adakah kamu bertugas seorang diri atau bersama-sama dengan orang lain?

S : Siapakah yang bertugas bersama-sama kamu pada hari tersebut?

S : Apakah tugas kamu pada hari tersebut?

S : Pukul berapa kami bertolak untuk membuat rondaan maritim Kelantan hingga kawasan Zon Ekonomi Eksklusif?

S : Bagaimana kamu menjalankan rondaan pada hari tersebut?

S : Sila terangkan apa yang dilakukan oleh kamu pada hari itu?

S : Ada apa-apa berlaku semasa kamu menjalankan rondaan?

S : Apa kamu lihat?

S : Bolehkah kamu beritahu Mahkamah di lokasi manakah kamu temui tumpahan minyak?

S : Pukul berapakah semasa kamu jumpai tumpahan minyak itu?

S : Bagaimana kamu menentukan kedudukan tumpahan minyak itu?

S : Apakah kamu buat selepas temui tumpahan minyak?

S : Bagaimana kamu pasti minyak itu berpunca daripada kapal itu?

S : Adakah kamu nampak kapal itu melepas minyak semasa kamu jumpa kapal itu pada kali pertama?

S : Adakah kamu nampak nama kapal itu?

S : Pukul berapa kamu jumpa kapal itu?

S : Bagaimana keadaan kapal itu semasa kamu temuinya?

S : Apakah kedudukan kapal semasa kamu temuinya?

S : Bagaimana kamu menentukan kedudukan kapal itu?

- S : Bolehkah kamu terangkan dengan lebih lanjutnya mengenai kedudukan kapal itu?
- S : Sila beritahu Mahkamah berapa luas dan panjang tumpahan minyak itu?
- S : Bagaimana keadaan cuaca semasa kejadian?
- S : Bolehkah kamu lihat dengan jelas nama kapal itu di dalam keadaan cuaca yang berkabus?
- S : Apakah jarak jauh daripada tempat kamu temui tumpahan minyak ke tempat kapal itu berada?
- S : Adakah kapal-kapal lain ditemui disekitar lokasi tumpahan minyak?
- S : Apakah tindakan yang diambil oleh kamu selepas kamu dapati kapal itu?
- S : Adakah ini merupakan gambar-gambar yang diambil oleh Sarjan Zakri?
- S : Adakah kamu lakukan apa-apa terhadap kapal itu?
- S : Apakah keadaan kapal itu semasa kamu lakukan "riging" atau lintasan?
- S : Adakah kapal itu mengetahui kehadiran pesawat kamu?
- S : Apakah kamu lakukan selepas gagal menghubungi Kapten kapal itu?
- S : Apakah pesanan itu?
- S : Kenapa kamu tidak tahan kapal itu?
- S : Selepas itu apa yang dilakukan oleh kamu?
- S : Pukul berapa kamu tinggalkan tempat itu?
- S : Di mana kamu pergi selepas itu?

SP4 - PROFESSOR XYZ

- S : Sila beritahu mahkamah dimanakah kamu bertugas sekarang?
- S : Apakah tugas kamu di Universiti ini?
- S : Di manakah kamu bertugas sebelum ini?
- S : Sila beritahu mahkamah apakah kelulusan kamu? Apakah subjek utama kajian kamu?
- S : Adakah kamu menjadi ahli-ahli kepada mana-mana badan profesional?
- S : Adakah kamu pernah memberikan apa-apa perkhidmatan perunding (*consultancy services*) khusus dalam bidang alam sekitar?
- S : Sila beritahu secara ringkas apakah perkhidmatan perunding yang pernah diberikan oleh kamu?
- S : Adakah kamu pernah terlibat dalam menjalankan aktiviti kajian penyelidikan (*research*)?
- S : Apakah kajian yang pernah dilakukan oleh kamu?
- S : Adakah kamu pernah terlibat dalam penerbitan buku-buku mengenai alam sekitar?
- S : Adakah kamu pernah diminta oleh Jabatan Alam Sekitar untuk membuat analisa mengenai buangan daripada kapal melalui gambar?
- S : Bilakah permintaan ini dilakukan?
- S : Adakah gambar-gambar ini dirujuk kepada kamu untuk membuat analisa?
- S : Adakah kamu menyediakan satu laporan analisa?
- S : Adakah ini laporan kamu?
- S : Apakah keputusan analisa daripada gambar-gambar ini?
- S : Bagaimanakah kamu mengetahui buangan itu adalah "bendasing"?
- S : Bolehkah "bendasing" itu larut dalam air?
- S : Apakah kemungkinan besar "bendasing" itu?
- S : Bolehkah kamu beritahu mahkamah apakah kandungan "bendasing" itu daripada gambar-gambar itu?
- S : Adakah "bendasing" ini merupakan bahan/benda yang biasa wujud di permukaan air laut?
- S : Apakah kesimpulan yang kamu buat daripada analisa gambar-gambar ini?

SP5- HASHIM ABDULLAH (IO)

- S : Di manakah kamu bertugas sekarang?
- S : Apakah tugas-tugas kamu?
- S : Sudah berapa lama kamu bertugas dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang?
- S : Adakah kamu bertugas pada 27 Julai 1997?
- S : Di manakah kamu bertugas pada hari itu?
- S : Ada apa-apa berlaku pada hari itu?
- S : Adakah kamu pergi ke tempat itu seorang diri atau bersama-sama orang lain?
- S : Siapa yang mengikuti kamu pada hari itu?
- S : Adakah mereka merupakan orang yang ikut kamu pada hari itu?
- S : Bagaimana kamu pergi ke tempat itu?
- S : Pukul berapakah kamu sampai ke tempat itu?
- S : Adakah kamu temui sesiapa semasa sampai ke tempat itu?
- S : Adakah pegawai ini merupakan orang yang kamu temui hari itu?
- S : Apakah kamu lakukan semasa menaiki kapal itu?
- S : Adakah "detention order" ini yang diserahkan oleh kamu kepada Kapten kapal itu?
- S : Siapakah Kapten Kapal yang kamu temui hari itu?
- S : Adakah dia berada di mahkamah hari itu?
- S : Mengapa dia tiada di mahkamah hari ini?
- S : Apakah nama Kapten Kapal itu?
- S : Apakah dokumen-dokumen yang diperiksa oleh kamu?
- S : Adakah dokumen-dokumen ini merupakan dokumen-dokumen yang diperiksa oleh kamu?
- S : Apakah tindakan selanjutnya dilakukan oleh kamu pada hari itu?
- S : Adakah kamu menaiki semula kapal itu pada keesokan hari iaitu pada 28 Julai 1997?
- S : Pukul berapakah kamu sampai ke tempat itu?
- S : Apakah yang dilakukan oleh kamu pada 28 Julai 1997?

- S : Mengapa siasatan tidak diteruskan pada hari itu?
- S : Apakah yang dilakukan oleh kamu selepas itu?
- S : Adakah kamu meneruskan siasatan pada hari yang sama di Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuantan?
- S : Pukul berapakah kamu berada di tempat itu?
- S : Apakah kamu lakukan pada malam itu?
- S : Apa yang kamu dapati di bilik enjin itu?
- S : Adakah kamu ambil apa-apa percontohan?
- S : Dimanakah percontohan "bilges water" diambil?
- S : Apakah kamu lakukan selepas mengambil percontohan itu?
- S : Adakah apa-apa dilakukan oleh kamu selepas itu?
- S : Berapakah keping gambar telah diambil pada hari itu?
- S : Adakah ini merupakan gambar-gambar yang diambil pada hari itu?
- S : Siapakah yang ambil gambar-gambar itu? Adakah dia merupakan orang yang mengambil gambar-gambar pada hari itu?
- S : Apakah tindakan selanjutnya dilakukan oleh kamu?
- S : Adakah Kapten Kapal yang kamu temui pada 28/7/1997 adalah orang yang sama kamu jumpa pada 27/7/1997?
- S : Apakah kamu buat dengan percontohan "bilges water" yang diambil itu?
- S : Bilakah kamu hantar percontohan itu kepada Jabatan Kimia?
- S : Ada apa-apa surat dikeluarkan oleh kamu kepada Jabatan Kimia?
- S : Adakah ini merupakan surat yang dimaksudkan?
- S : Adakah kamu terima keputusan analisa daripada Jabatan Kimia?
- S : Bilakah kamu terima laporan kimia?
- S : Adakah ini merupakan laporan kimia yang dimaksudkan?
- S : Adakah sesalinan laporan kimia ini diserahkan kepada tertuduh?
- S : Bilakah ia diserahkan kepada tertuduh?

- S : Ada apa-apa pengakuan penerimaan daripada tertuduh?
- S : Adakah kamu menerima apa-apa gambar daripada saksi lain?
- S : Adakah gambar-gambar ini diterima oleh kamu?
- S : Apakah kamu buat dengan gambar-gambar itu?
- S : Adakah gambar-gambar itu dihantar untuk dianalisa oleh pakar mengenai buangan yang dilepaskan daripada kapal itu?
- S : Bilakah gambar-gambar itu dihantar kepada pakar?
- S : Siapakah pakar yang dilantik untuk menjalankan analisa itu?
- S : Adakah saksi ini merupakan pakar yang dimaksudkan?
- S : Adakah kamu menerima apa-apa laporan daripada pakar itu? Bila?
- S : Adakah ini merupakan laporan analisa daripada pakar tersebut?
- S : Adakah kamu membuat laporan polis?
- S : Berapa laporan polis telah dibuat?
- S : Adakah laporan-laporan polis ini dibuat oleh kamu?
- S : Adakah kamu tandatangan atas laporan- laporan polis ini?
- S : Adakah kamu tahu dimanakah punca tumpahan minyak?
- S : Mengapa kamu mengata demikian?
- S : Apakah jenis kapal ini?
- S : Adakah kapal ini dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan untuk menyimpan buangan daripada "machinery bilges"?
- S : Apakah kehendak yang perlu dipatuhi oleh kapal jenis ini dibawah *International Oil Pollution Prevention Convention*? (rujuk IOPP Certificate)
- S : Apakah jumlah minyak yang dibenarkan dilepaskan ke laut mengikut kehendak di bawah Konvensyen tersebut?
- S : Adakah kapal itu mematuhi kehendak yang ditentukan oleh Konvensyen itu?
- S : Sila jelaskan kepada mahkamah mengapa percontohan buangan tidak diambil ditempat kejadian?
- S : Adakah kamu tahu minyak itu dilepaskan dari bahagian manakah kapal itu?

S : Adakah kamu tahu siapakah tuannya kapal itu? Bagaimana kamu tahu?

S : Adakah kamu tahu siapakah pengarah urusan syarikat itu pada 26 Julai 1997?

S : Sila beritahu mahkamah apakah hasil siasatan kamu?

Criminal Case No: 63-10-2000 (MR)  
5 Januari 2001

Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman.  
Mahkamah Tinggi,  
Miri.

Yang Arif

**Re: Reference of Constitution Issue Under Section 30(1) of the Courts of Judicature Act 1964**

- (i) Jabatan Alam Sekitar Vs. Arah bersama Sdn. Bhd.  
Sessions Court Criminal Case No. 63-10-2000 (MR)
- (ii) Jabatan Alam Sekitar Vs. Southwind Plantation Sdn. Bhd.  
Sessions Court Criminal Case No. 63-12-2000 (MR)

If my Lord pleases, may I refer to the above captioned matter and to the 2 cases mentioned.

## 2. Brief History of the 2 Cases

### 2.1 Jabatan Alam Sekitar Vs. Arah Bersama Sdn. Bhd. Sessions Court Criminal Case No. 63-10-2000 (MR)

The application for Summons against the accused was made by and in the name of the Director of the Department of Environment Sarawak on the 24th April 2000. The charge preferred against the accused is for an offence under Regulation 11 of the Environment Quality (Clean Air) Regulations 1978 punishable Under Section 41 of the Environment Quality Act, 1974.

The case was first mentioned on the 3rd July 2000 and the trial proper commenced on the 19th September 2000. The prosecution called 4 witnesses and closed their case on 30th October 2000. Submissions were heard the next day and the Court fixed 13th December 2000 for ruling on whether a prima facie case has been made out.

### 2.2 Jabatan Alam Sekitar Vs. Southwind Plantation Sdn. Bhd. Sessions Court Criminal Case No. 63-12-2000 (MR)

The Application for Summons against the accused was made by and in the name of the Director of Department of Environment Sarawak on the 24th of April 2000. The charge against the accused is for an offence under Regulation 11 of the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978

punishable under Section 41 of the Environmental Quality Act 1974.

The case was first mentioned on the 10th April 2000 and the trial proper commenced on the 4th September 2000. The prosecution called 5 witnesses and closed their case on 30th October 2000. Submissions were heard the next day and the Court fixed 13th December 2000 for ruling on whether a prima facie case has been made out.

3. **Letter from Counsel acting for accused in *Jabatan Alam Sekitar Vs. Arah Bersama Sdn. Bhd.* [63-10-2000 (MR)]**

On the 9th December 2000 we received a letter from Counsel acting for the accused stated above bringing to the attention of the Court the gazette notification on the 21st August 2000 of the Environmental Quality (Amendment) Act 1998 [Act A1030]. Counsel contended that the prosecution of the offence in the above mentioned case is invalid or illegal.

As the matters raised were of importance I issued notices to the parties concerned that on the date fixed for ruling, the Court will hear submissions on the issues raised.

Counsel acting for the accused in ***Jabatan Alam Sekitar Vs. Southwind Plantation Sdn. Bhd.* [63-12-2000 (MR)]** did not raise similar issues. However, in view that the accused faced the same charge, and the institution and prosecution of the case was made in similar circumstances, I felt that the outcome of the hearing in Case No. 63-10-2000 (MR) will have a bearing on this latter case. I therefore adjourned this latter case to await the outcome of the proceedings in Case No. 63-10-2000 (MR).

4. **Constitutional Issues Raised by Counsel in *Jabatan Alam Sekitar Vs. Arah Bersama Sdn. Bhd.* [Case No. 63-10-2000 (MR)]**

At the hearing on 13th December 2000, Counsel for the accused contended and submitted that the prosecution of the alleged offence is illegal and/or invalid in law because it was instituted contrary to and inconsistent with the provisions of Article 145 (3) of the Federal Constitution.

The arguments of Counsel are 2 pronged. Firstly, counsel relied on the provisions of Section 44 of the Environmental Quality Act 1974 (as amended). He argued that by virtue of the provisions of the amended Section 44, the prosecution must obtain the consent in writing of the Public Prosecutor to institute the prosecution of the alleged offence. He said that although the learned prosecutor had produced an authorization letter marked as exhibit P.1, it was merely an authorization to conduct prosecution and is insufficient for the purposes of the requirements of Section 44 as amended.

For convenience, Section 44 of the Environmental Quality Act 1974 as amended reads as follows:

“No prosecution shall be instituted for an offence under this Act or the regulations made thereunder without the consent in writing of the Public Prosecutor.”

I pointed out to Learned Counsel for the accused that the proceedings in the present case were initiated or instituted by the Director of Department of Environment on the 24th April 2000. This was the date of the receipt and filing of the application for summons. Learned Counsel himself has referred to the Federal Gazette Notification P.U.(B) 278 wherein the Minister has appointed the 21st August 2000 as the date on which the Environmental Quality (Amendment) Act 1998 came into operation. In the circumstances, I made a short ruling that to my mind, as the Environmental Quality (Amendment) Act 1998 which amended Section 44 came into operation only on the 21st August 2000 whereas the institution of the proceedings in the present case was on the 24th April 2000, the amended Section 44 has no application or relevance to the present proceedings.

Faced with the dismissal of the first ground, Learned Counsel for the accused said that he was relying solely on the provisions of Article 145(3) of the Federal Constitution. This is the second prong.

The argument goes like this. Pursuant to Article 145(3) of the Federal Constitution:

“The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah Court, a native court or a court martial.

The meaning of the expression “institute” in the context of Article 145 (3) was stated by Abdoolcader J, as he then was, in **Public Prosecutor v. Datuk Harun bin Hj. Idris & Ors [1976] 2 MLJ 116 at page 119**. His Lordship said:

“It [“institute” in Article 145(3)] must necessarily refer to the commencement of criminal proceedings and prosecutions... It may be ... that the Public Prosecutor has power..... to direct any case triable in the Magistrate’s or Sessions Court to be tried in the High Court after a preliminary enquiry. This power to so direct would, if exercised, fall squarely within his discretion to institute and conduct criminal prosecutions and proceedings.”

As can be seen from Article 145(3) above that the power to institute prosecution is the exclusive domain of the public prosecutor.

Learned Counsel for the accused pointed out, and in my view quite rightly so, that in the present case the following facts emerged:

- (a) the Learned prosecuting officer had only produced a letter of authorization (marked P.1) issued by the Deputy Public Prosecutor Sarawak under Section 377(b) of the Criminal Procedure Code to conduct prosecution and not to institute proceedings;
- (b) the investigating officer, who was PW3, did not state in his evidence that the case was referred to the Attorney General to enable him to exercise his discretion in respect of the institution of the proceedings for the alleged offence; and
- (c) the prosecution was instituted by the Department of Environment.

On my part I would add as follows:

- (a) the application for summons in this case was made by and in the name of the Director of Environment Sarawak; and
- (b) the prosecution has not adduced evidence that the Director of Environment Sarawak is a gazetted deputy public prosecutor.

Therefore, from the records and from the evidence adduced at the trial, it is quite clear that the institution of the proceedings for the alleged offence in this case was made by the Director of Environment Sarawak and not the Attorney General.

## 5. Reply From the Prosecution

In reply to the submission and arguments of counsel for the accused, the Learned Prosecutor had merely informed the Court that the Department of Environment had referred to the High Court in Kuala Lumpur a similar case on the question of the validity of prosecution in view of the provisions of Section 44 of the Environmental Quality act 1974 as amended. They are still awaiting the outcome of the referral. The my mind, the outcome of the reference will have no bearing on our present case because the institution of the prosecution in our present proceeding was made before the amended section came into force.

## 6. Issues For Determination

- (a) From the facts established, the issue for determination is whether the institution of the prosecution for the alleged offence in this case under Regulation 11 of the Environment

Quality (Clean Air) Regulations 1978 punishable under Section 41 of the Environmental Quality Act 1974 by the Director of Environment Sarawak was contrary to and inconsistent with the provisions of Article 145(3) Federal Constitution.

- (b) A secondary issue would be, if the institution of the prosecution by the Director of Environment Sarawak was contrary to Article 145(3) of the Federal Constitution, whether the proceedings in the Sessions Court become a nullity entitling the accused to an acquittal.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

Hakim, Mahkamah Sesyen.

## HUJAHAN PENDAKWAAN DALAM KES PP v ABC SDN. BHD.

Puan,

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Peguambela melalui penghujahan bertulis sama ada pertuduhan 1 adalah cacat (defective) berdasarkan kuasa membuat Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah menurut Seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan "preamble" Peraturan tersebut tidak sebut Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kemudian, pihak pendakwa telah membuat hujahan bahawa pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 1102] diwartakan pada 28 Jun 2001 dan berkuat kuasa pada 19 Julai 2001, antara lain, telah meminda Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta 1102, iaitu Y.B Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menentukan syarat-syarat yang boleh terima bagi pelepasan, pengeluaran atau perletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling pencemar atau buangan.

Di samping itu, Seksyen 6 Akta 1102 dimasukkan bagi memperjelaskan sebarang keraguan bahawa semua perundangan subsidiari yang dibuat dibawah Seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebelum Akta 1102 mula berkuat kuasa yang menentukan syarat-syarat boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau perletakan bahan berbahaya alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan adalah sah sebelum seksyen 21 dipinda melalui Akta 1102.

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa pindaan yang dibuat ke atas Seksyen 21 adalah hanya memasukkan mekanisma atau cara-cara dimana Y.B.Menteri menentukan syarat-syarat yang boleh diterima tanpa menjejaskan perundangan subsidiari yang sedia ada yang dibuat di bawah Seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi maksud Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling. Seksyen 6 Akta 1102 cuma memperjelaskan keraguan bahawa segala peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 51 bagi maksud Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebelum pindaan kepada Seksyen 21 berkuat kuasa adalah sah.

Menurut Seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang memperuntukkan:-

*"amend "includes repeal, add to or vary".*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa pindaan itu tidak membatalkan Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tetapi hanya menambahkan mekanisma bagi Y.B.Menteri melalui peraturan-peraturan menentukan syarat-syarat yang boleh diterima. Maka, Seksyen 30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah tidak terpakai

Selanjutnya pihak pendakwa berhujah bahawa semasa kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh pada 12 Oktober 2000, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 telah digubal pada tahun 1979 dan berkuat kuasa pada

1/1/81. Peruntukan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga telah wujud sebelum tertuduh dikatakan melakukan kesalahan. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah pindaan tersebut tidak "detriment" terhadap tertuduh kerana ia tidak merampas hak tertuduh untuk mendapat satu perbicaraan yang adil dan tidak mengalami sengsara (*aggrieved*) oleh pindaan itu. Oleh itu Artikel 7 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak terpakai. Tambahan lagi, beban bukti adalah atas pihak pendakwa membuktikan setiap elemen kesalahan terhadap tertuduh dan perbicaraan kes ini belum dimulakan lagi. Maka bantahan awal peguambela bahawa pertuduhan 1 adalah cacat adalah pramatang.

Seterusnya, pihak pendakwa berhujah bahawa otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh Peguambela melalui penghujahan bertulis adalah tidak berkaitan dan terpakai kerana fakta kes di hadapan Mahkamah ini adalah berbeza daripada kes-kes yang diputuskan sebelum ini.

Di dalam kes *PP v Mohd Ismail, PP v Hung Peng Khai*, Mahkamah memutuskan bahawa pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1983 adalah bercanggah dengan Artikel 7(1) Perlembagaan Persekutuan kerana pindaan tersebut telah merampas hak tertuduh untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan, iaitu penjara seumur hidup daripada hukuman mati jika didapati bersalah.

Di dalam kes *National Land Finance Co-operative Society Ltd v Director General of Inland Revenue* pula, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1980 telah menyingkir perayu daripada menikmati pengecualian di mana pindaan tersebut berkuat kuasa ke belakang.

Pihak pendakwa berhujah fakta kes dihadapan Mahkamah ini boleh dibezakan daripada ketiga-tiga kes tersebut kerana pindaan ke atas Seksyen 21 tidak membawa sengsara ke atas tertuduh. Ini kerana tertuduh dikatakan melakukan kesalahan pada 12 Oktober 2000, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 telah digubal pada tahun 1979 dan telah berkuat kuasa pada 1/1/81. Hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga telah wujud sebelum kesalahan dilakukan oleh tertuduh. Pindaan yang dibuat ke atas Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 melalui Akta 1102 tidak menjejaskan dan menyebabkan kesengsaraan (*aggrieved*) ke atasnya kerana **tertuduh tetap melakukan kesalahan** sebelum pindaan dibuat ke atas Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan hukuman bagi kesalahan ini adalah sama tanpa pindaan. Oleh itu Seksyen 30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 turut tidak terpakai kerana pindaan ini tidak membatalkan Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atau Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan di dalam kes *PP v Wong Pot Heng* sama ada perundangan subsidiari boleh dibuat dengan kesan kebelakangan meskipun dalam ketiadaan kuasa yang diberikan secara nyata oleh Akta induk tersebut. Mahkamah telah memutuskan bahawa perundangan subsidiari hanya boleh dibuat dengan kesan kebelakangan jika ia dibenarkan oleh suatu kuasa nyata dalam atau melalui implikasi yang dikehendaki daripada Akta induk tersebut.

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah dibuat oleh Y.B Menteri menurut Seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tiada pindaan yang dibuat terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 melalui Akta 1102. Apa yang dipinda adalah Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Sepertimana yang dihujah sebelum ini, Seksyen 6 Akta 1102 cuma memperjelaskan peraturan yang dibuat dibawah Seksyen 51 bagi maksud 21 dibuat sebelum pindaannya berkuat kuasa adalah dibuat secara sah. Oleh itu, Seksyen 6 tidak bertujuan untuk membelakangkan pemakaian Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979. Oleh itu, persoalan yang dibangkitkan di dalam kes *PP v Wong Pot Heng* tersebut tidak timbul sama sekali.

Selain daripada itu, pihak pendakwa berhujah bahawa tertuduh tetap dikatakan melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 apabila percontohan effluen yang diambil didapati tidak mematuhi standard

pelepasan yang ditentukan di bawah Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan & Effluen-Effluen Perindustrian) 1979. Kegagalan mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Effluen-Effluen & Perindustrian) 1979 merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pihak pendakwa berhujah bahawa Pendakwa Raya mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada tertuduh dituduh atas kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atau secara alternatif atas Seksyen 41 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi kegagalan mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979. Sekiranya Mahkamah yang mulia ini berpendapat bahawa pindaan kepada Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tidak terpakai ke atas kes itu, pihak pendakwa berhujah bahawa Mahkamah mempunyai budi bicara pada bila-bila masa meminda kesalahan ini ke Seksyen 41 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sama ada selepas mendengar keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa atau sebelum sebarang hukuman diumumkan di bawah Seksyen 158 Kanun Acara Jenayah.

Berdasarkan hujahan-hujahan yang tersebut, pihak pendakwa berhujah bantahan awal yang dibuat oleh Peguambela adalah pramatang dan dengan itu memohon permohonan Peguambela ditolak.

DALAM MAHKAMAH SEKSYEN DI KUALA LUMPUR  
(JENAYAH 3)

GUAMAN NO. 63-24-2001

ANTARA

Penghujahan Bertulis Lanjutan Tertuduh  
Per : Bantahan Awal Tertuduh Terhadap Pertuduhan I

Dengan Izin Puan Hakim,

1. **Kronologi Perbicaraan**

- (i) Pada tarikh sebutan yang lalu iaitu 10-10-2001, pihak Pendakwaraya telah mengemukakan penghujahan balasan dan memandangkan kerumitan isu-isu undang-undang yang timbul serta pindaan Akta A1102, Puan Hakim telah menetapkan hari ini iaitu 22-10-2001 untuk membolehkan Pihak tertuduh untuk mengetengahkan penghujahan lanjutan muktamad bagi kedua-dua pihak diikuti dengan keputusan.

2. **Undang-undang/Pinsip-prinsip terpakai**

- 2.1 Izinkan saya membantu Puan Hakim untuk mengimbas kembali fokus bantahan awal yang dikemukakan oleh Tertuduh adalah bahawa terdapat kecacatan dalam Pertuduhan Pertama. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979 (selepas ini dirujuk sebagai 'Peraturan-Peraturan itu') di mana preamble Peraturan-peraturan itu menyatakan bahawa Menteri mendapatkan kuasanya dari seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tetapi bukannya dari seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. (Sila rujuk mukasurat 6 Ikatan Autoriti-Autoriti Tambahan)

- 2.2 Ekoran itu, saya ingin merujuk Puan Hakim kepada Seksyen 25 Interpretation Acts 1948 and 1967.

*'Subsidiary legislation shall be deemed to be made under all powers thereunto enabling, whether in the Act or other written law under which it is made or under this Act and whether or not it purports to be made in exercise of any particular power or powers.'*

(Sila rujuk mukasurat 11 Ikatan Autoriti-Autoriti Tambahan)

Dengan jelas sekali setiap perundangan subsidiari mesti mendapatkan kuasanya dari Akta Induk atau undang-undang bertulis (*Parent Act or written laws*). Dalam kes kami ini, Peraturan-peraturan itu dibuat menurut seksyen 51 dan bukannya seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan jika kami membaca Pertuduhan pertama itu terutamanya petikan

‘... Seksyen 21, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibaca bersama Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979...’

(Sila rujuk mukasurat 13 Ikatan Autoriti-Autoriti Tambahan)

Maka terdapat kecacatan dalam Pertuduhan Pertama.

- 2.3 Oleh yang demikian, dasar-dasar penghujahan pihak Pendakwaraya yang lalu iaitu sama ada seksyen 6 Akta A1102 berkesan secara kebelakangan atau ianya adalah semata-mata untuk menjelaskan sebarang perundangan subsidiari adalah tidak relevan sama sekali. Tumpuan bantahan awal ini adalah kerana terdapat kecacatan dalam pertuduhan pertama dan ini adalah disebabkan kecacatan dalam perundangan subsidiari Peraturan-Peraturan itu kerana ketidakhadiran seksyen 21 dalam preamble Peraturan-Peraturan itu.
- 2.4 Ataupun secara alternatifnya, seperti yang dikatakan Pihak Pendakwaraya bahawa Seksyen 6 Akta A1102 hanya menjelaskan atau memasukkan mekanisme atau cara-cara di mana Menteri boleh menentukan syarat-syarat yang boleh diterima di bawah Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tidak boleh diterima sama sekali kerana Akta A1102 hanya berkuat kuasa pada 19-7-2001 dan kesalahan yang dituduh berlaku pada 12-10-2000. Semasa kesalahan yang dituduh berlaku, seksyen 6 Akta A1102 masih belum wujud lagi, **sekiranya benar** seksyen 6 Akta A1102 merupakan seksyen penjelasan, ini bermakna terdapat keraguan dalam perundangan yang memerlukan penjelasan. Dalam keraguan perundangan, keraguan ini mesti ditaksir memihak kepada Tertuduh.

Sila rujuk kes *National Land Finance Co-Operative Society Ltd v Director General of Inland Revenue* [1994] 1 MLJ 99 (sila rujuk muka surat 16 & 17 IKATAN AUTORITI-AUTORITI)

*‘Although the legislature had made its intention clear in s 1(5) of the Amendment Act that s 16 therein which amended Sch 9 of the Aact shall be deemed to have effect for the year of assessment 1968 and subsequent years of assessment, the amending Act did not expressly provide that Pt. 1 of the Interpretation Act 1948 and 1967 shall not apply. There was therefore a doubt whether the legislature had intended to impair the existing right of the appellant and inflict a detriment to it as it takes away a vested right under the existing law to exemption from tax. As there was a doubt, the ambiguity must be construed in favour of the appellant as the exemption from tax had not been removed by sufficiently clear words to achieve that purpose.’*

Oleh kerana terdapat keraguan dalam Peraturan-Peraturan itu, maka keraguan ini mesti ditaksir memihak kepada anakkuam saya. (*The ambiguity must be construed in favour of my client.*) Dalam kata lain, *the benefit of the doubt* mesti diberi kepada anakkuam saya.

- 2.5 Dalam penghujahan yang lalu, pihak Pendakwaraya telah menyatakan bahawa fakta kes kami ini adalah berbeza daripada ketiga-tiga kes yang dilampirkan dalam Ikatan Autoriti-Autoriti. Kes-kes itu adalah *PP v Mohamed Ismail* [1984] 2 MLJ 219, *PP v Hun Peng Kai* [1984] 2 MLJ 318 dan *National Land Finance Co-Operative Society Ltd v Director General of Inland Revenue* [1994] 1 MLJ 99. Saya dengan rendah diri ingin berhujah bahawa walaupun fakta kes kami adalah berbeza dengan ketiga-tiga kes itu, tetapi *ratio decidendi* ataupun prinsip-prinsip

undang-undang adalah sama dan terpakai dalam kes kami ini. Saya ingin merujuk Puan Hakim kepada kes *Samsudin bin Mohd. Saad v Pengarah Hospital Bahagia, Ulu Kinta & Anor.* [1998] 7 MLJ 785, Mahkamah Tinggi di mana Kang Hwee Gee J dalam Penghakimannya berkata:-

(Sila rujuk Muka surat 33 Ikatan Autoriti-Autoriti Lanjutan)

*'Firstly, the decision in Alan Noor was clearly not an obiter dicta, but a ratio decidendi which I am bound to follow...'*

Y.A. Kang Hwee Gee telah menyatakan bahawa beliau terpaksa mengikut *ratio decidendi* sesuatu kes dalam hierarki perundangan. Oleh yang demikian, saya memohon Puan Hakim untuk mengikut ketiga-tiga kes tersebut bukan sahaja kerana *ratio decidendi*nya adalah terpakai dalam kes kami ini tetapi juga kerana fakta kes kami ini adalah serupa.

- 2.6 Dalam ketiga-tiga kes tersebut, pihak pendakwaraya telah menyatakan bahawa hak tertuduh telah dirampas dan tertuduh akan mengalami kesengsaraan jika pindaan Akta dibenarkan untuk berkesan secara kebelakangan. Saya berhujah bahawa anakguam saya akan mengalami kesengsaraan juga sekiranya Akta A1102 dibenarkan untuk berkesan secara kebelakangan kerana pada tarikh kesalahan yang dituduh iaitu 12-10-2000, terdapat kecacatan dalam perundangan subsidiari Peraturan-Peraturan seperti yang dihujah tadi, oleh yang demikian kesalahan yang dituduh itu bukanlah merupakan suatu kesalahan langsung. (*At the time of the purported commission of the offence, it was not an offence at all because of the defective subsidiary legislation.*) Justerus itu, ketiga-tiga kes itu adalah terpakai dalam kes kami ini. Maka, Akta A 1102 tidak boleh terpakai secara kebelakangan.

### 3. Penamatan

Dalam keseluruhannya, saya ingin merujuk Puan Hakim kepada kes *Kerajaan Malaysia v Wong Pot Heng* [1997] 1 MLJ 437

(Sila rujuk muka surat 26 Ikatan Autoriti-Autoriti)

*'A subsidiary legislation could only be made with retrospective operation if it was authorised by an express power in, or by necessary implication from, its parent Act ...'*

Serupanya, dalam kes kami, dalam Akta A1102, tidak terdapat proviso nyata atau secara implikasi yang mencadangkan bahawa Akta A1102 ini terpakai secara kebelakangan.

Tambahan pula, kesalahan yang dituduh bukanlah satu kesalahan sehingga terbukti (*the purported offence is not an offence until proven guilty*). Oleh yang demikian, saya tidak bersetuju dengan pihak pendakwaraya yang menyatakan bahawa anakguam saya telah melakukan satu kesalahan dalam kegagalan untuk mematuhi piawai pelepasan di bawah Peraturan 8 (1) (b) sedangkan pihak peguambela masih belum mencabar kejituan contoh- contoh effluen-effluen yang diambil.

Akhirnya, saya memang setuju dengan pihak pendakwaraya bahawa menurut seksyen 158 Kanun Aturan Jenayah, Mahkamah yang mulia ini memang mempunyai budi bicara untuk meminda Pertuduhan, akan tetapi oleh kerana terdapat kecacatan dalam perundangan subsidiari Peraturan-Peraturan yang dihujah tadi, apa-apa pindaan yang cuba dibuat untuk meminda pertuduhan pertama itu juga adalah cacat. Dan memang adalah hak tertuduh untuk membuat bantahan awal di mana-mana peringkat perbicaraan asalkan sebelum penghakiman

dibuat. Maka sama ada bantahan awal adalah pra-matang atau tidak adalah tidak relevan sama sekali.

Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada 20-10-2001

t.t

Peguam bagi Pihak Tertuduh

## PENGHUJAHAN PENDAKWAAN

Untuk menjawab bantahan awal yang dikemukakan, pihak pendakwa berhujah bahawa bil-bil air yang dikemukakan oleh pihak pembela tidak boleh diterima oleh Mahkamah kerana pembuat dokumen tidak dipanggil untuk mengesahkan dokumen ini. Oleh itu, penghujahan peguambela bahawa jumlah penggunaan air kilang itu kurang daripada 60 meter padu sehari adalah pra-matang. Keterangan ini hendaklah dibuktikan melalui pembuat dokumen ini.

Tambahan lagi, laporan kimia bagi sample yang diambil daripada kilang ini pada hari lawatan penguatkuasaan berkenaan, didapati mengandungi 2 logam berat yang disenaraikan dalam parameter (vi) hingga (xvi) di ruang pertama Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979 ("PPKAS (KEEP) 1979"), iaitu plumbum dan mangganam. Oleh itu, pihak pembela tidak memenuhi kehendak dalam superenggan 4(2) Jadual Pertama.

Jumlah muatan pepejal ampaiian bagi effluen yang dilepaskan pada hari berkenaan jika dikira atas andaian penggunaan air 27 kg m<sup>3</sup> sehari yang dikira berdasarkan bil air yang dikemukakan dan atas andaian jumlah pelepasan effluen adalah separuh daripada penggunaan air, 13.5 m<sup>3</sup> sehari, maka jumlah muatan pepejal ampaiian yang dilepaskan sehari adalah 13.23 kg sehari, iaitu  $(13.5 \text{ m}^3/\text{hari} \times 980 \text{ mg/l})$

1000

Jumlah ini adalah melebihi 6 kg/l seperti yang ditetapkan dalam subperenggan 4(3) Jadual Pertama PPKS (KEEP) 1979.

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa pihak pembela gagal membuktikan bahawa pengecualian dalam Jadual Pertama terpakai dan dengan itu bantahan awal pihak pembela harus ditolak oleh Mahkamah.

Untuk menyokong hujahan pihak pendakwa, saya merujuk kepada muka surat 43 dalam keputusan Mahkamah Tinggi Melaka dalam kes *Malaysian Vermicelli Manufacturers lawan Pendakwa Raya*, Y. A. Hakim Datuk Ahmad B. Hj. Maarop memutuskan bahawa :

*"What is exempted from the operation of the Regulations under paragraph 4 of the First Schedule is processing, manufacturing, washing or servicing of any products or goods other than those products or goods set out in paragraphs 1, 2 and 3 of the First Schedule. In my view this so because of the usage of the words "any other products or goods" instead of "any products or goods" in paragraph 4. The next question, which is more crucial for the purpose of this case is, whether the exception applies to the processing, manufacturing, washing or servicing of any other products or goods which fulfill all the requirements under sub-paragraphs (1) to (4) (conjunctive reading), or whether the exception applies to the processing, manufacturing, washing or servicing of any other products or goods that fulfills any of the requirements under sub-paragraphs (1) to (4) (disjunctive reading)?"*

Y.A Hakim di dalam memutuskan isu yang dibangkitkan di atas telah menyatakan di muka surat 51-53 :

*"Further, to interpret the sub-paragraphs under paragraph 4 disjunctively as contended by the appellant would, to my mind, lead to unsatisfactory and absurd consequences. It would mean for example, that a person who is involved in processing of any other products or goods in any housing or commercial development (or both) with less than 30 units would fulfill the requirement under paragraph 4 and exempted even if that processing activity (i) produces effluent more than 60 cubic meters per day, (ii) produces effluents which contain the contaminants listed as parameter (vi) to (xvi) in the first column of the Third Schedule (which includes mercury, Arsenic, Cyanide, lead, oil and grease as well as other contaminants); and (iii) produces any other products or goods where the total load of the biochemical oxygen demand of the effluent fixed at 20 degrees Centigrade for 5 days or suspended solid or both, exceeds 6 kilograms per day.*

*As another example, suppose there is a factory (not in any housing or commercial development). This factory is involved in the manufacturing of any other products or goods, where the total load of biochemical oxygen demand of the effluent fixed at 20 degrees Centigrade for 5 days or suspended solid or both does not exceed 6 kilograms per day (thus fulfilling the requirement under sub-paragraph (3)). However this factory produces effluent very much more than 60 cubic meters per day and the effluent produced contains all the contaminants listed as parameter (vi) to (xvi) in the first column of the Third Schedule. If the appellant's submission is accepted as correct, it would mean that the Regulations shall not apply to the factory, although the effluent it produces contains deleterious contaminants which are dangerous to public health.*

*Surely such consequences could not possibly have been intended by the law-maker. Clearly the interpretation advocated by the appellant would not promote the true object and purpose of the Regulations and the EQA. I therefore have no hesitation in concluding that the sub-paragraphs under paragraph 4 of the First Schedule are to be given conjunctive reading.*

*In my judgement in order to be exempted under paragraph 4 of the First Schedule, if processing, manufacturing, washing or serving of any other products or goods is in any housing or commercial development, then the conditions under all the sub-paragraphs of paragraph (4) must be satisfied. In other words, for processing, manufacturing, washing or serving of any other products or goods is in any housing or commercial development, the first condition is that the housing or commercial development must be one with less than 30 units. Having fulfilled that condition, the other condition which must be fulfilled is that the processing, manufacturing, washing or serving of any other products or goods is in that housing or commercial development must fulfill all the requirements under sub-paragraphs (1) to (3). For processing, manufacturing, washing or serving other than in any housing or commercial development, all the requirements under sub-paragraphs (1) to (3) must be fulfilled."*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa subperenggan 4(1), 4(2) dan 4(3) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustian) 1979 hendaklah dibaca bersama untuk membuktikan pengecualian terpakai. Ini bermakna kilang itu hendaklah memenuhi kehendak-kehendak di bawah ketiga-tiga subperenggan 4(1), 4(2) dan 4(3) Jadual Pertama sebelum mengatakan bahawa mereka tidak tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustian) 1979.

Untuk menentukan siapakah yang memikul beban bukti untuk membuktikan bahawa pengecualian dalam Jadual Pertama terpakai, Y. A. Hakim telah menyatakan di muka surat 53 –54 dalam kes yang sama bahawa:

*".....In this case the burden of proving the existence of circumstances bringing its under the provisions in the First Schedule to the Regulations is on the appellant..... So even if the appellant was right in contending that the sub-paragraphs in paragraph 4 to the First Schedule should be read disjunctively, it was for the appellant to adduce evidence to show that its case fall within any of the sub-paragraphs under paragraph 4...."*

Berdasarkan kepada hujahan di atas dan keputusan Mahkamah tersebut, pihak pendakwa

berhujah bahawa beban bukti adalah di atas pihak pembela untuk membuktikan pengecualian dalam Jadual Pertama terpakai. Pihak pendakwa berhujah pihak pembela gagal membuktikan pengecualian dalam Jadual Pertama terpakai. Seandainya pihak pembela dapat membuktikan subperenggan 4(1) terpakai, pihak pembela masih gagal membuktikan kilang itu memenuhi subperenggan 4(2) dan 4(3) dan dengan itu tidak tertakluk kepada PPKS (KEEP) 1979.

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa bantahan awal pembela adalah tidak berasas dan harus ditolak oleh Mahkamah.

MALAYSIA

DALAM MAHKAMAH SEKSYEN DI KUALA LUMPUR

SAMAN NO. 3-63-24-2001

ANTARA

PENDAKWA RAYA

LAWAN

ABC SDN. BHD.

**KEPUTUSAN BANTAHAN AWAL: PERTUDUHAN PERTAMA**

1. Orang Kena Saman (OKS) ABC Sdn. Bhd. telah dihadapkan di Mahkamah ini atas 2 kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) (selepas ini dirujuk sebagai AKAS 1974).
2. Semasa perbicaraan pada 17.8.2001, Peguambela OKS telah membangkitkan bantahan awal terhadap Pertuduhan Pertama dan menyatakan Pertuduhan Pertama itu adalah cacat (*defective*).

**Pertuduhan Pertama** itu adalah seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 12hb. Oktober 2000 jam lebih kurang 9.50 pagi bertempat di premis ABC Sdn. Bhd., Batu 4<sup>1</sup>/<sub>2</sub>, Jalan Kelang Lama, 58000 Kuala Lumpur di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah melepaskan buangan cecair ke dalam perairan daratan di mana kandungannya melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibaca bersama Peraturan 8(1)(b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 iaitu:

- i. pepejal terampai yang mempunyai kepekatan sebanyak 510 mg/l iaitu melebihi had piawai 100 mg/l yang ditetapkan;
- ii. zing yang mempunyai kepekatan sebanyak 9.4 mg/l iaitu melebihi had piawai 1 mg/l yang ditetapkan;
- iii. Oksigen Kimia Yang Diperlukan (COD) yang mempunyai kepekatan sebanyak 1000

- mg/l iaitu melebihi had piawai 100 mg/l yang ditetapkan;
- iv. Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD) yang mempunyai kepekatan sebanyak 200 mg/l iaitu melebihi had piawai 50 mg/l yang ditetapkan; dan
- v. minyak dan geris yang mempunyai kepekatan sebanyak 21 mg/l iaitu melebihi had piawai 10 mg/l yang ditetapkan.

Dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), dan oleh itu boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3) Akta yang sama.

3. OKS telah dituduh melepaskan bahan buangan cecair ke dalam perairan daratan tanpa lesen daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di mana kandungan bahan buangan cecair itu didapati melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah seksyen 21 AKAS 1974 dibaca bersama-sama Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan daii Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.
4. Peguambela OKS telah membangkitkan **bantahan awal** berhubung dengan had piawaian yang diguna pakai bagi mengukur darjah kepekatan kandungan bahan buangan cecair tersebut berikutan seksyen 21 AKAS 1974 telah dipinda pada tahun 2001 melalui Akta A1102, dan dengan kemasukan satu peruntukan baru berhubung dengan Kesahan seksyen 51 AKAS 1974.
5. Keperluan bagi mendapatkan sesuatu lesen bagi maksud membuang, melepaskan atau mendepositkan apa-apa bahan buangan yang membahayakan alam sekeliling telah diperuntukkan dalam subseksyen 25(1) AKAS 1974 yang berbunyi:

*"No person shall, unless licensed, emit, discharge or deposit any environmentally hazardous substances, pollutants or wastes into any inland waters in contravention of the acceptable conditions specified under section 21."* (penekanan diberi).

6. Peruntukan di subseksyen 25(1) ini perlu dibaca bersama-sama peruntukan seksyen 21 AKAS 1974 ke arah memastikan syarat-syarat yang boleh diterima khusus bagi maksud subseksyen 25(1) ditentukan oleh Menteri setelah berunding dengan Majlis Alam Sekeliling.
7. Seksyen 21 AKAS 1974 telah dipinda oleh Akta A1102 pada tahun 2001, dan peruntukan ini kini dibaca (dalam Bahasa Inggeris) seperti berikut:

*"Power to specify, conditions of emission, discharge, etc.*

*The Minister, after consultation with the Council, may by regulations specify the acceptable conditions for the emission, discharge or deposit of environmentally hazardous substances, pollutants or wastes or the emission of noise into any area, segment or element of the environment and may set aside any area, segment or element of the environment within which the emissioil, discharge or deposit is prohibited or restricted."*

dikuatkuasakan pada 19 Julai 2001, tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui Warta no: P.U.(B) 225 bertarikh 17.7.2001.

8. Perbahasaan dalam subseksyen 51(1) AKAS 1974: *"In addition to and not in derogation of any of the powers contained in any, other provisions of this Act, the Minister after consultation with the Council may make regulatons for or with respect to-..."* amat luas memandang peruntukan ini membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan khusus bagi memastikan

piawaian-piawaian tertentu yang ditetapkan (bagi maksud kes di sini piawaian tersebut ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 21 AKAS 1974) berhubungan dengan perkara-perkara yang disenaraikan (bagi kes di sini piawaian yang ditetapkan itu berkenaan dengan pembuangan atau pelepasan bahan buangan cecair ke dalam perairan daratan).

Dalam hal ini, peruntukan subseksyen 51(1) AKAS 1974 yang terpakai dalam kes ini berbunyi sedemikian:

*"In addition to and not in derogation of any of the powers contained in any other provisions of this Act, the Minister after consultation with the Council may make regulations for or with respect to*

.....

*(ee) prescribing ambient water quality standards and discharge standards and specifying the maximum permissible loads that may be discharged by any source into inland waters, with reference either generally or specifically to the body of waters concerned;*

.....

9. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 [P.U.(A)12/1979] yang memaktubkan piawaian-piawaian tertentu bagi pembuangan, pelepasan atau pendepositan bahan buangan yang membahayakan alam sekeliling telah digubal di bawah seksyen 51 AKAS 1974, dan mula berkuat kuasa pada 1.1.1981.

Mukadimah kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 ini berbunyi (dalam Bahasa Inggeris) seperti berikut:

*"In exercise of the powers conferred by section 51 of the Environmental Quality Act 1974, the Minister, after consultation with the Environmental Quality Council, makes the following regulations:"*

Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 membentangkan had parameter kandungan dalam effluen yang dibenarkan dibuang atau dilepaskan ke dalam perairan daratan tertakluk kepada spesifikasi yang tercatat dalam ruang 4, Jadual 3 Standard B.

10. Berhubung dengan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 51 AKAS 1974, satu peruntukan **Kesahan** telah dimasukkan dalam perenggan 6 Akta Pindaan A1102 Tahun 2001 yang berbunyi:

**"Kesahan**

*Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah seksyen 51 Akta ibu sebelum Akta ini mula berkuat kuasa yang menentukan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau peletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling pencemar atau buangan-buangan atau pengeluaran bunyi bising ke dalam mana-mana kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling bagi maksud seksyen 21 Akta ibu telah dibuat dengan sah bagi maksud seksyen 21 Akta ibu sebelum seksyen 21 dipinda oleh Akta ini."- (penekanan diberikan).*

Peruntukan **Kesahan** ini juga telah diberi tarikh kuat kuasa, 19.7.2001, yang sama sebagaimana diwartakan dalam P. U.(B) 225 bertarikh 17.7.2001.

11. Peguambela OKS telah mempersoalkan kesahihan Pertuduhan Pertama terhadap OKS

berikutan pindaan terhadap seksyen 21 AKAS 1974 dan wujudnya peruntukan Kesahan di perenggan 6 Akta A1102 tahun 2001, yang kedua-duanya telah diberi tarikh kuat kuasa semasa, yakni 19.7.2001, dengan menarik perhatian Mahkamah ini kepada Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan 1957.

KEPUTUSAN:

12. Dalam hal ini, Mahkamah memutuskan bahawa seksyen 21 AKAS 1974 sebagaimana dipinda dan perenggan 6 (berhubung dengan Kesahan seksyen S.51 AKAS 1974) dalam Akta A1102 tahun 2001 yang telah ditetapkan tarikh kuat kuasanya pada 19.7.2001, yakni tarikh semasa, hanya terpakai bagi kes-kes jenayah yang berlaku pada atau selepas tarikh 19.7.2001.
13. Kesalahan yang dinyatakan dalam Pertuduhan Pertama telah dikatakan dilakukan oleh OKS pada 12.10.2000, iaitu sebelum Akta Pindaan A1102 tahun 2001 digubal dan dikuat kuasakan. Oleh itu, seksyen 21 AKAS 1974, sebagaimana dipinda oleh Akta A1102 tahun 2001 tidak terpakai terhadap OKS. Begitu juga dengan peruntukan Kesahan di perenggan 6 Akta A1102 tahun 2001 yang sama.
14. Peruntukan Kesahan yang dimasukkan dalam perenggan 6 Akta A1102 tahun 2001 semata-mata bertujuan untuk memperjelaskan kesahan peraturan-peraturan yang telah dibuat selama ini oleh Menteri di bawah seksyen 51 AKAS 1974.
15. Perbahasaan "*In addition to and not in derogation of any of the powers contained in any other provisions of this Act ....*" yang sedia termaktub dalam seksyen 51 AKAS 1974, menekankan bahawa Menteri mempunyai kuasa tambahan kepada apa-apa kuasa yang sedia termaktub dalam AKAS 1974 untuk membuat peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu bagi maksud AKAS, tanpa menjejaskan apa-apa kuasanya yang lain di bawah AKAS.
16. Tambahan pula syarat utama (*'prerequisite condition'*) bahawa "*... the Minister after consultation with the Council ...*" sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 21 AKAS 1974 juga terpakai dan telah dimaktubkan sebagai syarat penting dalam seksyen 51 AKAS sebelum apa-apa peraturan boleh dibuat oleh Menteri.
17. Mahkamah memutuskan bahawa Akta A1102 tahun 2001 tidak terpakai dalam kes ini, khususnya berhubung dengan Pertuduhan Pertama terhadap OKS. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 [P.U.(B) 12/1979], yang dibuat di bawah seksyen 51 AKAS 1974 yang telah dikuat kuasakan semenjak 1.1.1981, adalah terpakai dan mengikat OKS. Piawaian-piawaian yang dimaktubkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979, terutamanya dalam Peraturan 8(1)(b), merupakan syarat-syarat yang boleh diterima yang telah ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling menurut seksyen 21 AKAS 1974.
18. Bantahan awal Peguambela OKS berhubung dengan Pertuduhan Pertama adalah ditolak.

## HUIJAHAN MENGENAI PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 425 KANUN PROSEDUR JENAYAH

Y.A. Puan Hakim dengan rela hati saya ingin memohon pada Mahkamah supaya membenarkan kami memanggil semula SP1. Tujuan kami untuk memanggil saksi ini adalah untuk mengesahkan penyerahan laporan kimia dibawah seksyen 399 Kanun Prosedur Jenayah.

Kami membuat permohonan ini di bawah seksyen 425 Kanun Prosedur Jenayah yang berbunyi seperti berikut..

*“Any Court may at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under this Code summon any person as a witness, or examine any person ‘in attendance though not summoned as a witness, or recall and re-examine any person already examined, and the Court shall summon and examine or recall and re-examine any such person if his evidence appears to it essential to the just decision of the case.”*

Perkataan yang mustahak adalah “..... if his evidence appears to it essential to the just decision of the case”. Adalah pendapat kami keterangan saksi yang akan dipanggil, keterangan mereka, ‘Is essential to the just decision of this case’.

*The Supreme Court (as it then was) in the case of Ramli bin Kechik v Public Prosecutor 2 MLJ 33, Mohamed Azmi S.C.J. delivering the Judgement of the Court had this to say in respect of section 425 C.P.C.*

*Page 34 paragraph H-1 left hand column followed right hand column A; C-G; I;*

*“..... the only point raised is whether the trial judge had erred in law in entertaining the application under section 425 Criminal Procedure Code (C.P.C) of the Deputy Public Prosecutor during the course of the prosecution case, to send nine exhibits found in the possession of the appellant and marked as Exhibits P7 to P15 to the Chemistry Department for further examination and the calling of fresh evidence on the said exhibits.*

*The main issue for determination is the scope of the provision of section 425 C.P.C. which provides:*

*“Any Court may at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under this Code summon any person as a witness, or examine any person in attendance though not summoned as a witness, or recall and re-examine any person already examined, and the Court shall summon and examine or recall and re-examine any such person if his evidence appears to it essential to the just decision of the case.”*

*.... The section consists of two parts, the first giving a discretionary power to the court under which it may (1) summon any person as a witness or (2) examine any witness in attendance, though not summoned as a witness or (3) re-call or re-examine any person already examined. The second part of the section imposes an obligation on the court to summon and examine or re-call and re-examine any such person if his evidence appears essential to the just decision of the case. The section is intended to enable the court to get at the truth and to come to a proper conclusion in the matter under inquiry or*

trial. It is not limited to witnesses whom the court examines on its own behalf but also applies to witnesses for the prosecution as well as witnesses for the defence. Hence, the defence as well as the prosecution may be allowed to adduce additional evidence under this section. The object of the section is just as much the prevention of escape of a guilty person through some carelessness of the prosecution or the magistrate as the vindication of the innocence of the person wrongly accused owing to the carelessness and ignorance of one party. If there is the apprehension of justice failing by an erroneous acquittal or by an erroneous conviction the court would be justified in exercising its discretion in calling for additional evidence under this section.... In our view, by its very nature the discretion to be exercised under section 425 C.P.C depends on the facts of each case - the main consideration being the essentiality of the additional evidence to a just decision of the case."

Then at page 35 right hand column E-F:

"To come under section 425 the question to be asked is whether the evidence of Mr. Tham was essential to the just decision of the case".

In the case of **Public Prosecutor v Phon Nam (1988) 3 MLJ 415**, Abdul Hamid Ag LP (as he then was) at page 416 left hand column B-C; D-F; right hand column BD; F-1-, followed on to page 417 paragraph A-C had this to say on section 425 C.P.C. when delivering the Judgement of the then Supreme Court.

"For reasons that we shall state shortly the appeal was allowed and the order of acquittal and discharge set aside and the case was ordered to be remitted back for the court to invoke s 425 of the Criminal Procedure Code.

The crucial question before us therefore was whether the learned judge acted rightly when he declined to exercise his powers. Although he rightly held that the power under s 425 of the Criminal Procedure Code is discretionary, he, however, failed to exercise the discretion judicially. He formed the view and we quote:

Having regard to all the circumstances, including my view on the effect of our system of trial being adversarial, I did not think I should exercise my discretion by invoking s 425 of the Criminal Procedure Code. I therefore declined to exercise it.

Now this court had on a previous occasion considered the effect of s 425 of the Criminal Procedure Code. We refer to the case of Ramli bin Kechik v PP where it was held that:

By its very nature the discretion to be exercised under s 425 of the Criminal Procedure Code depends on the facts of each case, the main consideration being the essentiality of the additional evidence to a just decision of the case. If there is the apprehension of justice failing by an erroneous acquittal or by an erroneous conviction the court would be justified in exercising its discretion in calling for additional evidence under this section... The object of the section is just as much the prevention of escape of a guilty person through some carelessness of the prosecution or the magistrate as the vindication of the innocence of the person wrongly accused owing to the carelessness and ignorance of one party.

We should state at this point that it is settled principle that on appeal an appellate court is slow to interfere with the exercise of a discretion by a judge in the court below, however, it would do so where the judge had not exercised the discretion judicially and in accordance with well-known legal principles.

In the present case we had some doubt that the judge had properly considered the effect of s 425 of the Criminal Procedure Code, in particular, the second limb of that section.

Section 425 of the Criminal Procedure Code is clearly divided into two limbs; first, a discretionary provision which provides that the court may, on an application, summon any person as a witness or recall and re-examine any person already examined at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under the code. In exercising the discretion under the first limb, the court clearly must proceed with utmost circumspection especially when there was likelihood of the fresh evidence proving to be prejudicial to the accused. Secondly, an imperative provision which requires the court to do so where the court is satisfied that the evidence to be summoned would appear to the court to be essential to a just decision of the case. (See Mohd. Azam v Mohd Iqbal with the corresponding section in the Pakistan Criminal Procedure Code.)

*In this regard the court is bound to admit fresh evidence when it appears essential to a just decision of a case. As the powers under this section are very wide it is therefore necessary that great care be taken when exercising such discretion. However, the second limb of this section being an imperative provision the court must give serious consideration to exercising such powers if in so doing a just and proper decision could be arrived at.*

Dalam kes *Loke Poh Siang v Public Prosecutor* [1957] 23 MLJ 107 Mahkamah di dalam memutuskan sama ada Mahkamah boleh “invoke” seksyen 425 Kanun Prosedur Jenayah di akhir kes pendakwaan telah menyatakan bahawa:

*“The Court has an absolute discretion in recalling or calling a witness after the close of a prosecution case to rectify an omission in the prosecution evidence and that in this case the learned President exercised his discretion judicially and properly.”*

Oleh itu, saya memohon supaya Y.A Puan Hakim dapat menjalankan kuasa dibawah seksyen 425 Kanun Prosedur Jenayah atas kepentingan keadilan (*in the interest of justice*) dengan membenarkan permohonan kami untuk memanggil semula SPI. Ini adalah kerana keterangan SP 1 adalah penting untuk membuktikan laporan kimia telah diserahkan kepada tertuduh dan laporan kimia adalah penting dalam menentukan sama ada pelepasan effluen OKS mematuhi standard bagi parameter-parameter yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 dan dengan itu menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan oleh OKS.

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI PETALING JAYA

SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

PERBICARAAN JENAYAH NO: 63-16-2000

ANTARA

PENDAKWA RAYA

Lwn.

CDE INDUSTRIES SDN. BHD.

---

PENGHUJAHAN BERTULIS BALAS PIHAK PEMBELAAN

---

## BALASAN HUJAHAN PEMBELAAN

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh peguambela, pihak pendakwa ingin membalas penghujahan tersebut seperti berikut:

### 1. Pertuduhan Defektif

Pihak pendakwa berhujah bahawa pertuduhan tidak defektif seperti dikatakan oleh peguambela. Pertuduhan jelas menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh OKS, iaitu OKS didapati tanpa sebarang lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling melepaskan effluen perindustrian ke pengairan daratan dengan parameter melebihi kepekatan yang ditetapkan oleh Peraturan 8(1) (b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 dan dengan itu melakukan kesalahan dibawah seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling ("AKAS") 1979 dan boleh dihukum dibawah seksyen 25(3) Akta yang sama.

Pihak pendakwa selanjutnya berhujah bahawa lesen yang dimaksudkan dibawah kesalahan ini adalah lesen yang dikeluarkan dibawah seksyen 25 (1) AKAS 1974. Ini jelas dinyatakan dalam pertuduhan dan dengan itu pihak pendakwa berhujah fakta kes dalam kes *PPv LKI Holidays Leisure Sdn. Bhd. (1998) 1 MLJ 315* boleh dibezakan daripada fakta kes di hadapan Mahkamah ini. Ini adalah kerana terma "menjalankan perniagaan kendalian pelancongan" yang digunakan dalam kes *LKI* membawa maksud-maksud yang berlainan menurut seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992. Di dalam kes in, terma "*tanpa sebarang lesen*" yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling telah melepaskan effluen perindustrian ke dalam *pengairan daratan* dengan parameternya melebihi kepekatan....." tidak menimbulkan segala kekeliruan kerana lesen yang dimaksudkan di sini adalah lesen yang dikeluarkan dibawah seksyen 25 AKAS 1974 yang jelas dinyatakan dalam pertuduhan. Walaupun seksyen 2 AKAS 1974 telah mentafsirkan "pengairan daratan" yang merangkumi parit, sungai, anak sungai dan sebagainya, pihak pendakwa berhujah bahawa terma "pengairan daratan" tidak membawa kekeliruan kerana OKS mengetahui effluen perindustrian yang dilepaskan itu akan memasuki longkang dan akhirnya akan mengalirkan ke parit awam. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah OKS telah diberikan notis yang cukup mengenai butir-butir pertuduhan terhadapnya dan dengan itu tidak keliru dan "*misled*"

Seandainya Mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan ini cacat, pihak pendakwa berhujah kecacatan itu tidak "material" dan dengan itu tidak mengelirukan dan memprejudiskan OKS. Untuk menyokong hujah pendakwaan, pihak pendakwa merujuk kepada Seksyen 156 Kanun Acara Jenayah ("KAJ"). Seksyen 156 KAJ memperuntukkan bahawa :

*"No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission."*

Di dalam kes *Zulkiflee Bin Mohd. Dom v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 161. Mahkamah Tinggi Melaka telah memutuskan bahawa :

*“ The section (s. 156) states in unmistakable terms that if the accused has not been misled such error or omission to state the offence or particulars required shall not be regarded as material.....The burden is on the accused to establish that he was misled by the error or omission. As Neal J said in Long Seng Wah v PP [1962] MLJ 107 in considering s. 156 of the Code, at p.109:*

*It appears to me, therefore, that to succeed on this appeal the appellant must established two things. Firstly, that an essential ingredient of the offence was omitted from the charge and secondly, he was misled by that omission.*

*On the application of s. 156 to a charge for cheating I refer to the Indian Supreme Court case of Domodaran v The State of Travancore-Cochin AIR 1953 SC 462 where the charges under s. 420 of the PC as framed were vague in that they did not specify the manner and mode in which the cheating had been done. The court held that the defect in charges amounted to an irregularity which had not materially prejudiced the accused.....*

*In this appeal there was nothing to suggest that the accused had been misled. No objection had been taken to the defect in the charge by the accused either at the commencement or in the course of the trial...”*

Berdasarkan kepada kes di atas, pihak pendakwa berhujah bahawa pertuduhan kes ini adalah tidak cacat dan ia tidak mengelirukan dan memprejudiskan OKS. Sekiranya terdapat kecacatan, pihak pendakwa berhujah kecacatan itu tidak material. Pihak pendakwa selanjutnya berhujah bahawa pihak pembela tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap pertuduhan dari hari pertama OKS didakwa sehingga kes pendakwa tutup. Di samping itu, tiada keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan bahawa OKS prejudis atas kecacatan pertuduhan ini. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah isu yang dibangkitkan oleh pembelaan adalah tidak berkaitan dan tidak dipertimbangkan oleh Mahkamah.

## 2. Izin ("Consent") Yang Defektif

Pihak pendakwa seterusnya berhujah bahawa izin bertulis yang dikeluarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya adalah tidak defektif. Ini adalah kerana izin mendakwa (P1) telah jelas menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh OKS adalah dibawah seksyen 25(1) AKAS 1974. Ketinggalan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian ) 1979 tidak menjejaskan izin mendakwa.

Pihak pendakwa berhujah bahawa kes *Goh Keat Seng v Pendakwa Raya* [ 2001] 3 MLJ 172 boleh dibezakan kerana di dalam kes *Goh Keat Seng*, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan, antara lain, bahawa kebenaran untuk mendakwa yang diberikan oleh Pedakwa Raya di bawah Seksyen 27C(1) Akta Polis 1967 adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang kerana kebenaran tersebut tidak dinyatakan dengan khusus dan tepat mana antara kesalahan di bawah Seksyen 27(5) Akta berkenaan yang pemohon dituduh. Terdapat 15 kesalahan yang mungkin dilakukan di bawah seksyen 27(5) Akta Polis 1967. Di dalam kes ini, pihak pendakwa berhujah bahawa kesalahan di bawah Seksyen 25(1) AKAS 1974 adalah spesifik dan jelas. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah Timbalan Pendakwa raya telah memberikan pertimbangan yang menyeluruh dan mencukupi terhadap kes OKS semasa memberikan izin mendakwa.

Selanjutnya, pihak pendakwa berhujah walaupun izin bertulis (P1) menyebut CDE Industries dan bukan CDE Industries Sdn.Bhd adalah tidak cacat kerana di dalam P1 jelas menyatakan tarikh kesalahan pada **20 September 1999** dan tempat kesalahan adalah **Lot 123, off Jalan SS13/1K, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya**, iaitu alamat OKS berniaga. Alamat yang disebut dalam P1 tidak dipertikaikan oleh pihak pembela. Di samping itu, alamat di atas Borang Penyiasatan (P9) menunjukkan tempat effluen perindustrian diambil dan tarikh effluen perindustrian adalah sama

seperti di P1. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah walaupun P1 ketinggalan perkataan "Sdn.Bhd", ia tidak tukar entiti yang melakukan kesalahan dan P1 itu bertujuan mendakwa OKS kes ini dan bukan orang lain.

Pihak pendakwa selanjutnya berhujah bahawa ketinggalan "Sdn. Bhd." dalam P1 adalah tidak fatal dan boleh diperbetulkan (cured) mengikut seksyen 422 KAJ. Seksyen 422 KAJ memperuntukkan bahawa :

*"Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of –*

*(a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons..... before or during trial or in any inquiry or other proceeding under this Code; ....*

*unless such error, omission, irregularity..... has occasioned a failure of justice."*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah ketinggalan ini tidak menyebabkan P 1 tidak mempunyai kesan undang-undang. Ketinggalan ini boleh diperbaiki menurut seksyen 422 KAJ. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa ketinggalan ini telah menyebabkan kegagalan keadilan (*failure of justice*). Sepertimana yang disebut sebelum ini, pihak pendakwa berhujah bahawa Timbalan Pendakwa Raya telah memberikan pertimbangan yang menyeluruh dan cukup atas kes OKS semasa mengeluarkan izin P1. P1 adalah bertujuan mendakwa OKS dan bukan orang lain.

Tambahan lagi, pihak pendakwa berhujah bahawa P1 tidak perlu menyebut siapakah pegawai pendakwa yang diberi kuasa untuk mendakwa OKS dan menamakan Jabatan mana yang diberi kuasa untuk mendakwa OKS. Pegawai yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya untuk menjalankan pendakwaan adalah menurut seksyen 377 (b)(iii) KAJ. Kegagalan untuk mengemukakan surat kuasa yang dikeluarkan dibawah seksyen 377 KAJ tidak menyebabkan pendakwaan ini tidak sah. Apa yang perlu dibuktikan oleh pegawai pendakwa adalah mengemukakan surat kuasa yang diberikan oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya dibawah seksyen 377 Kanun Acara Jenayah. Surat kuasa dibawah seksyen 377 Kanun Acara Jenayah telah diperolehi oleh pegawai pendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya sejak 1 April 1998 lagi. Sesalinan surat kuasa boleh dikemukakan untuk rujukan mahkamah dan peguambela.

Pihak pendakwa seterusnya berhujah bahawa kegagalan mengemukakan surat kuasa dibawah seksyen 377 KAJ boleh diperbaiki dibawah seksyen 422 KAJ. Merujuk kepada kes *Tara Singh v Public Prosecutor* [1954] MLJ 123 dan kes *Liew Jee Chin v Public Prosecutor* [1993] 1 MLJ 82. Mahkamah di dalam kedua-dua kes ini telah memutuskan bahawa perayu tidak dapat menunjukkan bahawa beliau telah dimudartkan atau terdapat kegagalan keadilan oleh kerana pegawai pendakwa tidak mempunyai kuasa. Tiada keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan bahawa OKS telah dimudartkan atau ada kegagalan keadilan atas kegagalan mengemukakan surat kuasa dibawah seksyen 377 KAJ.

Oleh itu, pihak pendawa kecacatan izin mendakwa (P1) boleh diperbaiki dan pegawai pendakwa mempunyai "*locus standi*" menjalankan pendakwaan kes ini.

### 3. Kegagalan Pendakwaan membuktikan SP2 adalah seorang pakar

Pihak pendakwa berhujah bahawa pendakwaan memanggil saksi SP2 memberikan keterangan berdasarkan notis yang diberikan oleh peguambela melalui suratnya bertarikh 13 Oktober 2000 mengenai laporan kimia yang disediakan oleh SP2. Pihak pendakwa berhujah bahawa SP2 bukanlah seorang saksi pakar sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

SP2 dipanggil untuk memberi keterangan fakta mengenai beliau menjalankan analisa sampel effluen perindustrian yang diserahkan oleh SP4, untuk menentukan sama ada sampel itu mengandungi parameter yang disebut dalam Jadual Ketiga dan melebihi standard yang ditetapkan

dalam Jadual tersebut. Beliau tidak memberikan pendapat mengenai keputusan yang diperolehi. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjalankan analisa adalah kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh undang-undang, Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979, iaitu "*Standard Methods for the Examination of Waste Water*" Edisi Kesembilan Belas yang diterbitkan oleh *American Public Health Association* ("kaedah APHA").

Untuk menyokong hujahan pendakwaan, pihak pendakwa merujuk kepada kes *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1MLJ 265. Y.A. Arif Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar telah memutuskan bahawa :

*"...It is to be observed that the task of chemist is to identify the nature of the drug and, as held in Roeker v Rooker 2 at p 1380 that 'identification is a question of fact, to be proved, like any other conclusion of fact, either by direct or circumstantial evidence.'*

*In identifying a drug, a chemist conduct various tests and result of tests conducted by him will reveal the nature of drug. In the process, he identifies the drug by direct observation of the result of the experiments and, by the same token, he ascertains its weight by using scientific methods. In this respect, AB Wilkinson in The Scottish Law of Evidence at p 63 says that 'where the identification is by experts using scientific criteria, the opinion is nearly always based on impression and not on conscious reflection of data'. Viewed in that light, the chemist's conclusion is clearly based on objective observation of facts as immediately perceived by him. The question of subjective assesment and interpretation of the nature of the drug analysed does not come into play at all for the simple reason that it is not based on any opinion...*

*The chemist's evidence of the identity of the drug is factual evidence and not opinion evidence within meaning of s. 45 of the Evidence Act. Such evidence is therefore admissible in a court of law either given by him orally like any other witness or, as is specially provided by law, can be set out in a report admissible pursuant to and in accordance with s. 399 Criminal Procedure Code (FMS Cap 6)('the Code'). At the risk of repetition, we would say that in our judgment, the question of adducing evidence to show the expertise of the chemist does not arise...*

*We would however qualify that by saying that although in that case (*Munusamy v PP*) the chemist who gave evidence had been in chemistry department for 12 years and possessed a BSC degree in chemistry and biology and had been given expert evidence in court, and such evidence had been accepted in the High Court in drug cases, it is our view that there was no necessity to show that he had given evidence in court and that such evidence had been accepted in the High Court in drug cases since the acceptance of his evidence was done on the basis that such evidence was factual. What was really required for the prosecution to show for the admission of the chemist evidence on the identity of the drug was merely to adduce evidence as to his qualification in the field of chemistry and that he was a chemist in the employment of any Government in the Federation and had examined or analysed the drugs. His evidence may then given orally or be set out in a report made by him to be admitted under s. 399 of the Code...*

Prinsip undang-undang mengenai keterangan ahli kimia telah dipakai di dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah pendakwaan telah membuktikan SP 2 telah bekerja di Jabatan Kimia sejak 1980 dan mempunyai ijazah BSC (Hons.) Universiti Malaya 1980 dan Masters Environmental & Pollution. SP 2 merupakan ahli kimia yang menganalisa tiga botol sampel effluen perindustrian yang diserahkan oleh SP4 kepadanya. Pihak pendakwa tidak perlu membuktikan SP2 adalah seorang pakar dan dengan itu empat kes yang dikemukakan oleh pembelaan, iaitu:

- *Wong Chop Saow v PP* [ 1965] 31 MLJ 247
- *PP v Chong Wei Kian* [1990] 3 MLJ 165
- *PP v Lin Lian Chen* [1991] 1MLJ 316
- *Kumaraguru v PP* [ 1994] 1MLJ 254

adalah tidak terpakai di dalam kes ini. Pihak pendakwa berhujah bahawa keterangan SP2 boleh diterima oleh Mahkamah berdasarkan kepada seksyen 399 KAJ.

4. Sama ada pendakwa telah membuktikan kes *Prima Facie*

Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKS. Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan OKS tidak mempunyai lesen semasa melakukan kesalahan. Ini disokong oleh Sijil Pengesahan yang dikeluarkan dibawah seksyen 40 AKAS 1974 (P2) oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Walaupun P2 menyebut CDE Industries dan bukan CDE Industries Sdn.Bhd. pihak pendakwa berhujah bahawa P2 adalah tidak fatal dan boleh diperbaiki di bawah seksyen 422 KAJ.

Menurut SP1, beliau ada menyemak dengan unit lesen pelanggaran di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar sebelum P2 disediakan. Semakan itu bukanlah berdasarkan kepada nama kilang malah ia juga berdasarkan alamat kilang dan tarikh kesalahan berlaku untuk menentukan sama ada lesen dibawah seksyen 25(1) AKAS 1974 dikeluarkan oleh unit lesen pelanggaran. P2 jelas menyatakan tarikh kesalahan dan alamat premis kilang itu. Tarikh kesalahan dan alamat premis kilang itu dalam P2 adalah sama seperti dalam P9. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa nama kilang yang disebut dalam P2 adalah menuju kepada OKS dan bukan orang lain. Jenis perniagaan yang dijalankan oleh kilang ini sama ada perkongsian atau tunggal adalah tidak penting. Ia tidak mengubah entiti OKS dan fakta bahawa OKS tidak mempunyai lesen pada 20 September 1999.

Selain daripada itu, pihak pendakwa berhujah bahawa keterangan yang dikemukakan oleh SP3 dan SP4 dapat membuktikan OKS melepaskan effluen perindustrian pada 20 September 1999. Ketiga-ketiga contoh effluen perindustrian telah diambil daripada tempat takat pelepasan terakhir ("*final discharge*") sebelum memasuki parit awam. Gambar-gambar (P6) dapat membuktikan pelepasan effluen pada 20 September 1999 dan tempat di mana ketiga-ketiga percontohan itu diambil. Peta lakar (P8) pula menggambarkan bahawa percontohan effluen diambil sebelum memasuki longkang dan kemudian ke parit awam. Pihak pendakwa berhujah bahawa percontohan perlu diambil sebelum ia memasuki ke dalam longkang untuk menentukan effluen perindustrian daripada kilang OKS tidak melebihi kepekatan yang ditentukan oleh undang-undang demi mencegah pencemaran dan kesihatan umum. Effluen perindustrian tidak boleh diambil apabila ia masuk ke longkang. Ini adalah untuk mengelakkan sampel yang diambil bercampur dengan bahan-bahan lain apabila memasuki longkang. SP4 di dalam keterangan telah menyatakan bahawa OKS tidak mempunyai SPE semasa lawatan penguatkuasaan dibuat pada 20 September 1999. Oleh itu, tiada tempat pelepasan ("*point of discharge*") ditentukan dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar di kilang OKS.

Subperaturan 16(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 telah memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah menentukan tempat pelepasan dan subperaturan 16(3) pula menyatakan bahawa kepekatan mana-mana parameter bagi effluen yang dilepaskan adalah di tempat pelepasan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Pada kebiasaannya tempat pelepasan effluen adalah ditentukan pada takat terakhir sebelum memasuki mana-mana pengairan daratan.

Sehubungan dengan itu, pihak pendakwa berhujah bahawa SP3 mengambil percontohan di takat terakhir adalah teratur. Ini merupakan niat penggubalan undang-undang ini menentukan pelepasan effluen tidak boleh melebihi piawai yang ditetapkan di tempat pelepasan sebelum memasuki pengairan daratan untuk mengelakkan pencemaran.

Pihak pendakwa seterusnya berhujah bahawa P8 jelas membuktikan bahawa effluen daripada OKS akan mengalir ke longkang dan seterusnya memasuki parit awam. P6 pula membuktikan tiada sekatan dibuat di takat akhir pelepasan itu untuk mencegah pelepasan effluen ke longkang dan sebagainya. Oleh itu, persoalan yang timbul, dinamakan effluen perindustrian daripada kilang OKS mengalir, jika ia bukan ke longkang dan kemudian ke parit awam?

Berhubung dengan itu, pihak pendakwa berhujah keterangan SP3 dan SP4 serta P6 dan P8 menyokong kes pendakwaan bahawa ada pelepasan daripada kilang OKS dan effluen perindustrian menghala ke longkang semasa lawatan penguatkuasaan pada 20 September 1999. Keterangan-keterangan SP3 dan SP4 mengenai pelepasan effluen tidak dicabar dan dinafikan oleh pihak pembelaan.

Pihak pendakwa berhujah tiada "*break in the chain of evidence*". Menurut SP4, beliau mengambil 3 botol sample effluen dari SP3. SP3 yang menjalankan kerja persampelan dan selepas itu SP3 dan SP4 terus ke bilik perbincangan pejabat dan di situ mereka terus menandakan tanda-tanda pada setiap botol sampel dan mengikat serta memeteraikan botol-botol sampel tersebut. Oleh itu tidak timbul "*break in the chain of evidence*" kerana SP3 dan SP4 yang menjalankan kerja-kerja menanda, mengikat dan memeterai di bilik bincang pejabat kilang pada hari yang sama. Menurut SP4, ketiga-tiga botol sampel telah dihantar ke Jabatan Kimia pada hari yang sama jam lebih kurang 3.13 petang. Keterangan ini disokong oleh resit terima sampel (P3) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia.

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa tiada "*break in the chain of evidence*" dalam kes ini. Segala urusan pengambilan ketiga-tiga botol sampel effluen perindustrian sehingga menyerahkan ketiga-tiga sampel kepada ahli kimia adalah berlaku pada hari yang sama.

Menurut SP2, beliau memaklumkan Mahkamah mengenai cara analisa bagi BOD5, iaitu suhu yang perlu dikekalkan adalah 20°C bagi 5 hari semasa analisa bagi parameter BOD dijalankan. Oleh itu, isu yang dibangkitkan oleh peguambela bahawa suhu semasa sample P5 A-C diambil adalah tidak berkaitan dan tidak menjejaskan keputusan analisa sampel P5 A-C. Apa yang penting adalah suhu 20°C hendak dikekalkan semasa analisa dilakukan oleh ahli kimia.

Berkaitan dengan perkara cara analisa sampel-sampel yang dibangkitkan oleh peguambela, pihak pendakwa berhujah bahawa daripada ekshibit P10 iaitu borang analisa kimia, SP2 diminta menganalisa empat (4) parameter, iaitu BOD pada suhu 20°C dan Pepejal Terampai daripada botol, Chemical Oxygen Demand (COD) daripada botol B dan Oil and Grease daripada botol C, iaitu setiap botol sampel dianalisa untuk parameter yang berlainan. Jabatan Kimia mempunyai cara analisa yang berlainan dan cara penyimpanan botol sampel yang berbeza bagi setiap parameter yang akan dianalisa. Pihak pendakwa berhujah cara analisa sampel-sampel adalah teratur dan tidak menjejaskan keputusan analisa. Ini adalah kerana ketiga-tiga botol effluen perindustrian (P5A-C) adalah diambil daripada tempat dan masa yang sama. Jenis sample-sample yang diambil adalah daripada jenis yang sama, iaitu effluen perindustrian. Oleh itu, isu yang dibangkitkan oleh peguambela mengenai cara analisa adalah tidak timbul dan tidak harus dipertimbangkan oleh Mahkamah.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh pembelaan bahawa perenggan 2 Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 terpakai, pihak pendakwa berhujah bahawa kilang memproses sarung tangan getah tidak berkaitan dengan perenggan ini kerana perenggan ini pada umumnya bermakna mana-mana kilang yang memproses getah asli mentah yang didapati pada estet getah sebagai bahan mentah untuk dijadikan susu getah beku, getah keping, getah skrap dan sebagainya. Mana-mana punca pencemaran seperti yang diterangkan pada perenggan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang lain iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. Walaupun kilang memproses sarung tangan getah menggunakan 'latex' sebagai bahan mentah tetapi 'latex' tersebut telah diproses atau dicampur bahan-bahan lain sebelum diproses atau dicampur bahan-bahan lain sebelum diproses sebelum menjadi sarung tangan getah.

Selanjutnya, pihak pendakwa berhujah bahawa perenggan 4 Jadual Pertama tidak terpakai dalam kes ini. Sepertimana yang dihujahkan sebelum ini, beban bukti adalah atas pembelaan untuk membuktikan perenggan 4 terpakai. Pihak pendakwa berhujah pihak pembelaan telah gagal membuktikannya. Kandungan bilangan air (D6) yang dikemukakan oleh pihak pembelaan perlu dibuktikan, iaitu ketepatan bacaan bulanan masih belum dibuktikan lagi. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah isu ini harus ditolak dan tidak dipertimbangkan oleh Mahkamah.

Akhir sekali, berdasarkan hujahan-hujahan diatas, pihak pendakwa berhujah bahawa pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap OKS dan memohon Mahkamah memanggil OKS membela diri.

## PENGHUJAHAN BALAS PIHAK PEMBELAAN

Dengan izin Puan Hakim,

Dalam hujahan pihak Pendakwaan yang bertulis, pada muka surat 1, pihak Pendakwaan menghujahkan bahawa SP 1 telah menyediakan Siji Pengesahan di bawah Seksyen 40 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang mendapati kilang Orang Kena Saman (kemudian ini dikenali sebagai "OKS") tiada lesen di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar (kemudian ini dikenali sebagai "AKAS").

Adalah dihujahkan Ekshibit P2 (Sijil Pengesahan Seksyen 40 AKAS) hanya menamakan premis sebagai CDE Industries dan bukan CDE Industries Sdn. Bhd. CDE Industries dan CDE Industries Sdn. Bhd., adalah dihujahkan merupakan 2 entiti yang berasingan dan berbeza di dalam undang-undang syarikat. Jadi, apabila CDE Industries dinamakan dalam Ekshibit P2, sudah tentu rekod dari Jabatan Alam Sekitar akan menunjukkan ia tidak mempunyai lesen kerana ia merupakan entiti yang berlainan sama sekali dengan OKS.

Dalam muka surat 3 dan 4 hujahan bertulis pihak Pendakwa, pihak Pendakwa menghujahkan bahawa angka-angka dalam bil air bertarikh 3 Ogos 1999 hingga 4 Oktober 1999 boleh dipertikaikan kerana angka-angka tersebut adalah berdasarkan purata kepada penggunaan air selama 2 bulan sahaja dan *'tidak dapat menggambarkan penggunaan air kilang yang sebenarnya kerana penggunaan air sesebuah kilang berubah-ubah dari masa ke semasa bergantung kepada permintaan hasil produk kilang'*.

Adalah dihujahkan bahawa tuduhan OKS dalam kes ini adalah bahawa OKS telah dikatakan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 25(1) AKAS pada 20 September 1999 di Lot 542, Off Jalan SS 13/1K, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya (Sila rujuk kertas pertuduhan). OKS dalam kes ini telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan air antara bulan Ogos 1999 sehingga Oktober 1999 adalah dianggarkan pada 46.5 meter padu sehari iaitu kurang daripada 60 meter padu sehari seperti dalam Jadual Pertama. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 perenggan 4(1). Bil-bil air tersebut (sila lihat Ekshibit D6) adalah bil-bil air pada masa kesalahan itu dikatakan berlaku. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa OKS tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah Seksyen 25(1) AKAS pada 20 September 1999 kerana OKS telah berjaya membuktikan bahawa Perenggan 4(1) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah terpakai dalam kes ini.

Dalam muka surat 4 hujahan bertulis pihak Pendakwa, pihak Pendakwa menyatakan bahawa *'ketepatan penggunaan air yang dikemukakan oleh pihak pembela boleh dicabar kerana pengeluar bil air tidak dipanggil'*.

Adalah dihujahkan bahawa dakwaan pihak Pendakwaan ini adalah tidak logik. Perlu diingatkan bahawa kes ini masih dalam kes Pendakwaan (Prosecution's case). Dalam keadaan ini, bagaimana

pihak Pembelaan boleh memanggil saksi, sekiranya perlu? Lagipun, pihak Pembelaan telah mengekshibitkan bil-bil air tersebut dan ditandakan sebagai 'Ekshibit D6. Jadi, adalah dihujahkan bahawa hujahan ini tidak boleh diterima oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Pihak Pendakwaan juga telah bergantung kepada kes *Malaysian Vermicelli Manufactures v Pendakwaraya*, muka surat 53 alasan penghakiman. Adalah dihujahkan bahawa kes tersebut boleh dibezakan dengan kes ini kerana dalam kes kita pada hari ini, pihak Pembelaan telah berjaya membuktikan bahawa:

- i) Perenggan 2 Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah terpakai.
  - Fakta kes adalah jelas bahawa OKS menghasilkan 'rubber gloves'.
  - Industri 'rubber gloves' memerlukan getah asli. Fakta ini diakui oleh SP4.
  - Jadi, perenggan 2 Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 jelas terpakai.
- (ii) Perenggan 4 Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah terpakai dalam kes ini.
  - Perenggan 4(1) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 jelas terpakai dalam kes ini.
  - Fakta kes dalam kes ini cukup jelas. Ekshibit D6 iaitu bil-bil air pada bulan-bulan Ogos 1999 sehingga Oktober 1999 jelas membuktikan bahawa penggunaan air pada bulan-bulan tersebut, iaitu masa yang dikatakan kesalahan telah dilakukan oleh OKS, adalah 46.5 meter padu sehari. SP2 sendiri mengakui (semasa beliau dipanggil semula untuk memberi keterangan) bahawa apabila kandungan air yang digunakan adalah kurang daripada 60 meter padu sehari, jumlah effluen perindustrian juga adalah kurang daripada 60 meter padu sehari. SP2 juga sendiri mengaku bahawa dalam keadaan ini, Perenggan 4(1) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah terpakai. Oleh itu, OKS langsung tidak perlu mendapatkan lesen. Jadi jelas bahawa pihak Pembelaan telah berjaya membuktikan kes yang jelas bahawa pada masa kesalahan berlaku, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 Perenggan 4(1) adalah dibuktikan. Oleh itu, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar adalah tidak terpakai dalam kes ini. Adalah tidak munasabah sekali bagi pihak Pendakwaan mengkehendaki pihak Pembelaan untuk membuktikan bahawa pada 20 September 1999 penggunaan air adalah kurang daripada 60 meter padu sehari kerana beban pembuktian tersebut adalah mustahil sama sekali. *'Benefit of the doubt'* patut diberikan kepada pihak Pembelaan lebih-lebih lagi apabila pihak Pembelaan telah berjaya membuktikan melalui Ekshibit D6 bahawa penggunaan air pada masa kesalahan tersebut adalah secara puratanya 46.5 meter padu sehari. Lagipun, bukanlah tugas pihak Pembelaan untuk membuktikan kes *'beyond reasonable doubt'* pada peringkat akhir kes Pendakwaan. Pihak Pembelaan hanya perlu membangkitkan *'reasonable doubt'* dalam kes pihak Pendakwaan atau bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie.
  - Ekshibit D6 dikeluarkan atas nama ABC Rubber Products Sdn. Bhd yang beralamat di Lot 542, Jalan Subang 5, Kawasan Perusahaan Sg. Penaga, 47500 Subang Jaya, alamat tersebut adalah alamat lama bagi Lot 542, Off Jalan SS13/1K, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya, Selangor. Fakta ini diakui sendiri oleh SP4 dalam kes kita pada hari ini (Sila lihat juga Ekshibit P12). SP4 juga mengakui bahawa alamat CDE Industries Sdn. Bhd. dan ABC Rubber Products Sdn. Bhd. adalah sama.

## PERKARA-PERKARA YANG DITIMBULKAN

### 1. Pertuduhan yang Defektif

- Adalah dihujahkan sekali lagi oleh pihak Pembelaan bahawa pertuduhan di dalam kes kita adalah defektif dan memudaratkan.
- Dalam kes kita, tuduhan yang dihadapi adalah “...***tanpa sebarang lesen*** yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling telah melepaskan effluen perindustrian ke dalam ***pengairan daratan*** dengan parameternya melebihi kepekatan...”
- Di dalam AKAS, terdapat banyak lesen yang boleh dipohon. Antara lesen-lesen yang berlainan yang boleh dipohon di bawah AKAS adalah lesen di bawah Seksyen 18, 22, 23, 24, 25, 26 dan lain-lain. Kegagalan pihak Pendakwa menyatakan ketiadaan lesen di bawah Seksyen mana OKS dituduh adalah ‘fatal’ dan menyebabkan pertuduhan terhadap OKS adalah ‘*fatally defective*’.
- “*Pengairan daratan*” seperti yang terdapat dalam pertuduhan terhadap OKS juga tidak diberikan maksud. Sama ada effluen telah dilepaskan ke “*canal, pond, lake or drain*” langsung tidak diberikan butiran di dalam pertuduhan tersebut.
- Maka, adalah dihujahkan sekali lagi bahawa pertuduhan tersebut adalah ‘*materially and fatally defective*’ berdasarkan kes *PP v LKI Holidays Leisure Sdn. Bhd. [1998] 1 MLJ 315*. Ini adalah kerana OKS langsung tidak tahu peruntukan definisi mana atau bahagian (‘*limb*’) mana dalam peruntukan definisi ‘tanpa lesen’ dan ‘pengairan daratan’ yang Pendakwaan akan bergantung. OKS akan diprejudiskan dalam persediaan kes pembelaan kerana OKS tidak berupaya mengetahui ciri-ciri tuduhan tersebut (Sila lihat juga Kes *Goh Keat Peng v Public Prosecutor [2001] 3 MLJ 172*, muka surat 20 perenggan B hingga I).

### 2. Izin Yang Defektif

- Adalah dihujahkan bahawa Seksyen 25(1) AKAS apabila dibaca dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 akan memberikan suatu senarai kesalahan-kesalahan yang berlainan.
- Antara kesalahan-kesalahan adalah di bawah Peraturan 6, 8, 9 dan 10 yang dirangkumi oleh Seksyen 25(1) AKAS.
- Jadi, berdasarkan fakta ini sahaja, jelas apabila Timbalan Pendakwa Raya gagal menyatakan di bawah Peraturan mana Izin tersebut diberikan, Timbalan Pendakwa Raya telah gagal memberikan pertimbangan yang menyeluruh dan mencukupi terhadap kes OKS semasa memberikan izin mendakwa. Kes *Goh Keat Peng v PP* yang dinyatakan oleh pihak Pembelaan jelas terpakai dalam kes kita pada hari ini.
- Tambahan pula, fakta bahawa Izin gagal menyatakan nama sebenar OKS iaitu CDE Industries Sdn. Bhd. dan kegagalan menyatakan nama Pegawai Pendakwa **mengukuhkan kes** pihak Pembelaan bahawa Izin tersebut telah dikeluarkan tanpa pertimbangan yang menyeluruh dan mencukupi terhadap kes OKS. Maka identiti sebenar CDE Industries Sdn. Bhd. serta ‘*locus standi*’ pegawai pendakwa akan menjadi persoalan.
- Berdasarkan ketinggalan-ketinggalan yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa ketinggalan- ketinggalan tersebut (sekurang-kurangnya 3 ketinggalan dalam Izin) telah mencatitkan terus dan menimbulkan prejudis tentang identiti OKS iaitu sama ada CDE Industries Sdn. Bhd. yang didakwa atau CDE Industries yang didakwa. Kes *Goh Keat Peng v PP* jelas menyatakan bahawa kecacatan Izin adalah ‘*fatal and not curable*’.

### 3. Sama Ada SP3 Adalah Saksi Pakar

- Pihak Pendakwaan menghujahkan bahawa SP3 hanya memberikan keterangan fakta dan bukan sebagai saksi pakar.
- Adalah dihujahkan bahawa hujahan pihak Pendakwaan tidak boleh diterima kerana

adalah jelas bahawa SP3 adalah saksi pakar dalam kes kita. Mahkamah ini terpaksa bergantung kepada kepakaran SP3 dalam analisis sample-sample air tersebut. Sekiranya SP3 bukan saksi pakar, bagaimana Mahkamah boleh bergantung kepada keputusan-keputusan sample-sample air tersebut?

- Kegagalan pihak Pendakwaan membuktikan *'basis for the reception of the expert opinion'*, adalah ketara dalam kes ini. Kes *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor [1994]1MLJ 265* yang dinyatakan oleh pihak Pendakwaan jelas sekali menyatakan dalam kes-kes dadah, keterangan ahli kimia adalah keterangan fakta. Kes *Khoo Hi Chiang* mengenai kebolehterimaan pendapat saksi ahli kimia hanya terhad pemakaiannya kepada kes-kes dadah sahaja kerana langsung tidak menyatakan secara nyata *bahawa dalam kes-kes yang lain*, keterangan ahli-ahli kimia adalah keterangan fakta sahaja. Ratio decidendi *Khoo Hi Chiang* jelas apabila soalan yang ditujukan dalam kes itu adalah *"It is appropriate at the outset to determine whether the evidence of a chemist on the identity of a drug constitutes evidence of fact or opinion and to consider the attendant issue governing the admissibility of such evidence"* (sila lihat kes *Khoo Hi Chiang* di dalam ikatan otoriti pihak Pendakwa).
- Maka, kes-kes seperti *Wong Chop Saow, Chong Wei Kian, Lin Lian Chen* dan *Kumaraguru* masih lagi terpakai dalam kes ini.

#### 4. Sama Ada Pendakwaan Telah Membuktikan Kes Prima Facie

- Pihak Pendakwaan telah menghujahkan bahawa ketinggalan perkataan "SDN. BHD." di dalam Ekshibit P2 adalah tidak fatal. Adalah dihujahkan bahawa perkataan-perkataan tersebut membawa makna yang banyak dalam undang-undang syarikat. Pihak Pembelaan menggunakan penghujahan atas dan penghujahan pihak Pembelaan yang pertama sebagai alasan hujahan.
- Ekshibit P2 hanya mengesahkan bahawa CDE Industries dan bukan CDE Industries Sdn. Bhd. yang tidak mempunyai lesen. Juga, tiada keterangan telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan bahawa CDE Industries dan CDE Industries Sdn. Bhd. adalah "pesalah yang sama" sama ada daripada saksi- saksi pendakwaan ataupun profil korporat syarikat.
- Pihak Pendakwaan menghujahkan bahawa gambar-gambar (Ekshibit P6) dan peta lakar (Ekshibit P8) menunjukkan bahawa sample-sample diambil pada *'final discharge'*. Adalah dihujahkan oleh pihak Pembelaan bahawa pengambilan sample-sample ini adalah salah kerana tempat-tempat tersebut jelas bukan *'final discharge'*. SP4 sendiri mengakui bahawa sample-sample air diambil dalam kawasan kilang dan belum lagi dihubungkan dengan parit awam.
- Pihak Pendakwaan juga telah menghujahkan bahawa *"percontohan perlu diambil sebelum ia memasuki ke dalam longkang unluk menentukan effluen perindustrian daripada kilang OKS tidak melebihi kepekatan yang ditentukan oleh undang-undang demi mencegah pencemaran dari kesihatan umum. Effluen perindustrian tidak boleh diambil apabila ia masuk ke longkang. Ini adalah untuk mengelakkan sample yang diambil bercampur dengan bahan-bahan lain apabila mengambil longkang."* Adalah dihujahkan oleh pihak Pembelaan bahawa hujahan pihak Pendakwaan ini tidak boleh dipertimbangkan kerana tiada saksi-saksi pendakwaan yang telah memberikan justifikasi tersebut. Hujahan pihak Pendakwaan adalah berdasarkan pernyataan pihak Pendakwaan sahaja dan bukan daripada mana-mana saksi pendakwaan. Tambahan pula, terdapat kelemahan dalam hujahan pihak Pendakwaan tersebut. Saksi-saksi Pendakwaan boleh dan sepatutnya mengambil sampel-sampel air di bahagian longkang di mana longkang kilang dan parit awam akan bertemu dalam Ekshibit P8.
- Dalam penghujahan bertulis pihak Pendakwaan, pihak Pendakwaan mendakwa bahawa SP4 menyatakan bahawa OKS tidak mempunyai sistem pengolahan effluen. Pihak

Pembelaan telah memeriksa nota keterangan prosiding dan mendapati bahawa SP4 langsung tidak menyatakan dalam keterangannya bahawa OKS tidak mempunyai sistem pengolahan effluen. SP4 dalam pemeriksaan utama (*'examination-in-chief'*) jelas menyatakan bahawa SP4 telah mengarahkan SP3 mengambil sampel-sampel di *'final discharge point'*. Dalam keadaan ini, adalah tidak adil bagi pihak Pendakwaan untuk menyatakan bahawa OKS tidak mempunyai sistem pengolahan effluen.

- Pihak Pendakwaan telah menghujahkan bahawa *'P8 jelas membuktikan bahawa effluen daripada OKS akan mengalir ke longkang dan seterusnya memasuki parit awam. P6 pula membuktikan tiada sekatan dibuat di takat akhir pelepasan itu untuk mencegah pelepasan effluen ke longkang dan sebagainya. Oleh itu, persoalan yang timbul, dimanakah effluen perindustrian daripada kilang OKS mengalir, jika ia bukannya ke longkang dan kemudian ke parit awam?'*
- Pihak Pembelaan menghujahkan bahawa hujahan ini tidak dibuktikan oleh pihak Pendakwaan oleh mana-mana saksi Pendakwaan.
- Pihak Pendakwaan juga menghujahkan bahawa tiada *'break in the chain of evidence'* kerana kesemua botol-botol sample air telah dimeterai dengan betul. Pihak Pembelaan menjelaskan bahawa yang menjadi persoalan dalam kes adalah bahawa sama ada semasa pengambilan sample-sample tersebut, adakah sample-sample tersebut dikekalkan suhu pada 20 darjah Celcius. Sample-sample juga tidak ditandakan dan dimeterai dengan serta merta selepas sample-sample diambil dari *'final discharge'*. Oleh kerana terdapat kegagalan pihak Pendakwaan membuktikan bahawa sample-sample air diambil pada suhu 20 darjah Celcius boleh menyebabkan analisis BOD tidak tepat. Dalam kes ini, *'benefit of the doubt'* patut diberikan kepada OKS.

Pihak Pendakwaan menghujahkan bahawa Perenggan 2 Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 adalah tidak terpakai kerana OKS tidak menggunakan getah asli mentah yang didapati pada estet getah sebagai bahan mentah untuk dijadikan susu getah beku, getah keping dan sebagainya. Adalah dihujahkan oleh pihak Pembelaan bahawa pihak Pendakwaan langsung tidak memberi keterangan semasa kes Pendakwaan bahawa kilang OKS tidak menggunakan getah asli mentah yang didapati pada estet getah sebagai bahan mentah. Sebaliknya, pihak Pembelaan telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan pembuatan *'rubber gloves'* memerlukan bahan getah asli menerusi SP4 semasa diperiksa balas pertama kali pada 18 Julai 2001.

- Pihak Pendakwaan juga berhujah bahawa Perenggan 4 Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 adalah tidak terpakai kerana pihak Pembelaan gagal membuktikan ketepatan bacaan bulanan. Adalah dihujahkan bahawa penghujahan pihak Pendakwaan ini tidak berasas. Pada akhir kes pihak Pendakwaan, pihak Pembelaan hanya perlu membuktikan bahawa Pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie*. Pembelaan hanya perlu membuktikan bahawa secara puratanya, kandungan effluen yang dikeluarkan pada bulan-bulan tersebut iaitu bulan September 1999 adalah kurang daripada 60 meter padu sehari. SP2 sendiri mengakui bahawa sekiranya kandungan air yang digunakan adalah kurang daripada 60 meter padu sehari, secara logiknya, effluen yang dikeluarkan juga adalah kurang daripada 60 meter padu sehari. Tambahan, secara kiraan, jumlah air yang digunakan pada bulan September 1999 adalah 46.5 meter padu sehari dan SP2 sendiri bersetuju bahawa effluen yang dikeluarkan juga adalah kurang daripada 60 meter padu sehari dalam keadaan ini. Maka, berdasarkan fakta ini sahaja, pihak Pembelaan telah berjaya membuktikan bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKS.

Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, pihak Pembelaan menghujahkan bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap OKS dan memohon supaya OKS dilepaskan dan dibebaskan dengan serta merta.

Bertarikh pada 8 haribulan Mei 2002.

L.L  
Peguambela OKS

## HUJAHAN BALASAN

Yang Arif Puan Hakim,

Mengenai hujah peguambela bahawa pekerja OKS yang diminta mengambil sampel effluen tidak dipanggil memberi keterangan. Pihak pendakwa berhujah bahawa pekerja OKS tidak dipanggil sebagai saksi pendakwa tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana menurut keterangan SP1, Puan Hanizah Husin, beliau yang meminta pekerja tersebut mengambil sampel ditempat dimana effluen dilepaskan dari longkang kilang ke longkang awam dan kerja-kerja persampelan tersebut dilakukan dibawah seliaan SP1. Ini bermakna turutan kerja tersebut dijalankan atas arahan SP1. Gambar-gambar P4(G) dan P4(H) menunjukkan bahawa percontohan effluen diambil dibawah pengawasan SP1 dan wakil kilang Encik ABC. Kerja-kerja persampelan tersebut tidak melibatkan keputusan-keputusan bacaan didapati ditempat tersebut sebaliknya sampel itu akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan ditentukan bacaan oleh ahli kimia di Jabatan Kimia Petaling Jaya.

Di dalam kes **Su Ah Ping v Public Prosecutor [ 1980] 1 MLJ 75**, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa dalam Held (1):

*"It is unnecessary to call evidence to ensure that there is no break in the chain of evidence. If the officer who picked up the object at the scene produced it and identified it as that very object that is enough and there is no need to call every other officer who handled it, unless there is a doubt as to the identity."*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa pekerja OKS tidak perlu dipanggil sebagai saksi kerana SP1 melalui keterangannya memaklumkan bahawa beliau telah mengambil 5 percontohan effluen yang telah diserahkan oleh pekerja OKS dan terus membawanya ke pejabat kilang di mana percontohan-percontohan itu diawet dan dimeteraikan oleh SP2. SP1 kemudian telah menandakan butir-butir persampelan pada setiap botol. Kemudian SP1 telah mengecamkan percontohan-percontohan effluen yang diambil oleh beliau semasa memberi keterangan di Mahkamah. Oleh itu, tiada keraguan mengenai identiti percontohan tersebut.

Mengenai gambar-gambar P4A-4H dimana tercatat tarikh yang berlainan dengan tarikh lawatan penguatkuasaan, pihak pendakwa berhujah gambar-gambar tersebut memang diambil oleh SP1 pada 7 Mac 2000. Pihak pendakwa selanjutnya berhujah pihak peguambela tidak mencabar SP1 mengenai perkara tersebut semasa di soal balas. SP2 telah memaklumkan bahawa gambar-gambar P4A-H diambil pada 7 Mac 2002. Tambahan lagi, borang contoh-contoh effluen untuk pemeriksaan/analisa (P6) mengesahkan lawatan penguatkuasaan dibuat pada 7 Mac 2002. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa ia adalah satu kesilapan teknikal di mana kesilapan itu tidak menjejaskan kes pendakwaan dan isu itu harus tidak diambil kira oleh Mahkamah.

Pihak pendakwa selanjutnya berhujah bahawa laporan kimia (P10) telah diserahkan kepada wakil OKS, iaitu Encik MBC yang berjawatan Pengarah telah menerima laporan tersebut. Tiada notis diserahkan oleh peguambela untuk memanggil ahli kimia. Tiada bantahan dibuat oleh pihak pembela semasa laporan kimia dikemukakan sebagai eksibit P10. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah

bahawa kegagalan pihak pembela membantah semasa laporan kimia dikemukakan boleh dikatakan menerima laporan kimia P10 sebagai eksibit. Hujahan pihak pendakwa disokong oleh kes **Mohamed Bin Abdul Rahman v Pendakwa Raya [1979] 1 MLJ 252**. Fakta kes tersebut adalah lebih kurang sama dengan fakta kes ini. Peguambela di dalam kes tersebut tidak membantah semasa laporan kimia dikemukakan sebagai eksibit oleh pegawai penyiasat. Semasa kes tersebut ditutup, peguambela berhujah bahawa pihak pendakwa tidak memanggil ahli kimia walaupun notis diserahkan, oleh itu laporan kimia tidak harus dipertimbangkan dalam menentukan kes tersebut. Mahkamah di dalam memutuskan kes tersebut telah menyatakan bahawa:

*“But it must be stressed that the duty to see that a trial is conducted in and fair manner does not lie merely on the court and the prosecution but on the defence as well. Since the admission of the report would have effected the accused, it was, I would say, a matter for the defence to inform the court, particularly at the time when the report was about to be introduced as evidence, that it wanted the chemist to be called. The inaction or silence of the defence at this juncture can only be construed as a withdrawal or waiver of the notice and that it had no objection to the report being admitted. As far as I can see, in law, there is nothing to prevent the accused from withdrawing or waiving his notice at any time. For this reason, I am of the view that the learned President was right in not excluding the report when considering the case against the appellant.”*

Di dalam kes di hadapan Y.A Hakim, tiada notis diberikan oleh pihak pembela walaupun laporan kimia telah diserahkan kepada OKS. Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa laporan kimia (P10) harus diterima oleh Mahkamah dalam menentukan kesalahan OKS.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut, pihak pendakwa berhujah pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKS dan OKS harus dipanggil untuk membela diri.

Yang Arif

In mitigation for the defendants, I have this to say:

1. The first occasion when the defendants were notified that they have breached the provision of the Environmental Quality Act, 1974, was the letter dated 19.11.2001 from the Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling to the defendants and 2 other parties, including EFG Sdn Bhd, a subsidiary of the A Corporation.
2. Upon receipt of the said letter all the parties named therein got together to work jointly to meet the demands of the Ketua Pengarah. I was instructed by 2 of the parties to write, which I did, to the Ketua Pengarah, vide my firm's letter of 29.11.2001, asking for time of 1 month to meet him to report on the solution the parties have in mind for removal of the waste to a designated dumping place and to obtain his approval therefor.
3. The parties obtained an appointment and met the Ketua Pengarah (who chaired the meeting) and his officers on 3.1.2002 at his office in Johor Bahru. At the meeting the situation was discussed and analysed; the weightage and type of waste were also informed to the Ketua Pengarah. Notes were taken at the meeting and the parties were told to work out a scheme acceptable to the Ketua Pengarah for the removal of the waste to a suitable place to be designated by him.
4. Another meeting was held on 14.1.2002 at the office of the Ketua Pengarah who asked that a proper work chart and a contract between the parties to be drawn up for his approval, within 1 week therefrom. The parties quickly got together several times in my office to work out the scheme for removal of the waste. A contract was drawn up for that purpose with work chart and payment scheme, and contractors were employed to implement the scheme. A copy of the contract dated 26.1.2002 was hand-delivered to the Ketua Pengarah, who acknowledged the same. Some representatives from the parties saw the Ketua Pengarah following from the delivery of a copy of the contract and were told to commence work on the removal of the waste per the work chart.
5. The waste has been excavated and ready for transport to the designated dump site or sites to be directed by the Ketua Pengarah, but that direction has not come to the parties till today, inspite of a letter from JTS Engineering Sdn Bhd to the Ketua Pengarah dated 15.1.2002. With that direction the breach of the provision of the Act would have been remedied.
6. Instead, the defendants (and EFG Sdn Bhd) were served with Summons to appear in this Honourable Court on 21.3.2002 to answer a charge unrelated to the notification from Ketua Pengarah dated 19.11.2001. This, I feel is most unreasonable in the circumstance and on the facts before this Honourable Court.

7. The defendants have pleaded guilty to the charge, as they have at all material times from the notification of the Ketua Pengarah dated 19.11.2001 realised that they have committed a breach of the provision in the Act. They have from that notification worked closely cooperated and coordinated with the Ketua Pengarah to remedy the situation. They have spent substantial sums of money by reason of that. Save for the direction of the Ketua Pengarah for the designated site or sites to dump the waste, the whole scheme approved by the Ketua Pengarah for the removal of the waste would have been completed even before the first mention of the charge against the defendants.

8. The charge against the defendants should not have been initiated in the first place. The facts narrated above clearly reveal that they are genuine in meeting the demands of the Ketua Pengarah per his notification dated 19.11.2001 and had worked closely with the Ketua Pengarah under the approved work scheme and had spent substantial sums of money to remedy the situation. The waste is not toxic as reported by the Environmental and Energy Technology Centre per its report dated 26.10.2002, but it comes within the list of Scheduled Wastes in the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 1989. The wastes are within the landfill criteria limit of Kualiti Alam, the approved authority for disposal of scheduled wastes and therefore could be used for landfill.

The defendants being aware that the wastes come within the list of Scheduled Wastes have therefore pleaded guilty to the charge against them. They are still in a position to dispose the wastes as soon as the Ketua Pengarah provides its letter of authority for the transport thereof to the approved designated site or sites.

Given the aforesaid facts and circumstance, it is my humble opinion and observation that, if at all there is a necessity to record the defendants' breach of the provision in the Act, this is a typical case for compounding the offence under Section 45(1) of the Act.

9. I therefore plead for the defendants that a lenient fine of not more than the compound fine will suffice. I also seek the Court's directing the Ketua Pengarah to issue his letter to the parties named in his notification dated 19.11.2001 designating the site or sites for the waste to be removed as soon as possible as the waste has been excavated and is lying on the ground for some time waiting to be transported.

Much obliged.

## Hujahan Pendakwaan

Buangan yang mengandungi oksida aluminium merupakan buangan terjadual/toksik yang dikawal oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dimana pergerakan buangan terjadual dan pelupusan buangan terjadual memerlukan kebenaran bertulis Ketua Pengarah demi menjamin kesihatan umum dan alam sekitar. Hanya kawasan tertentu yang dilesenkan oleh JAS boleh melupuskan buangan terjadual. Perbuatan OKS melupuskan buangan terjadual di kawasan yang tidak dilesenkan oleh JAS bukan sahaja menjejaskan alam sekitar malah ia juga boleh membawa kesan terhadap kesihatan umum. Jika kita teliti gambar-gambar yang diambil (P4 a-f) , didapati bahawa pokok-pokok yang berhampiran kawasan tanaman itu telah mati. Ini menunjukkan betapa bahaya buangan yang ditempatkan di situ.

Di samping itu, OKS telah menempatkan buangan di kawasan ladang kelapa sawit untuk tempoh selama lebih kurang 11/2 tahun, iaitu sejak tahun 1999 hingga bulan Mac 2001. Perbuatan OKS tidak diketahui pada mulanya dan hanya dibongkarkan apabila aduan diterima daripada orang awam mengenai bau gas amonia di kawasan itu. Selepas siasatan dijalankan, didapati OKS merupakan salah satu pihak yang terlibat dalam kes ini. Perbuatan OKS ini dapat menjimatkan kos pelupusan lebih kurang RM 990,000.00 setahun berdasarkan pada kadar yang dikenakan oleh Kualiti Alam Sdn.Bhd ("KA") adalah RM495.00 satu metrik tan. KA adalah sebuah syarikat konsesi yang diberikan lesen untuk melupuskan buangan terjadual. Jumlah buangan yang dijumpai di ladang kelapa sawit adalah lebih kurang 2,000 metrik tan. Keuntungan yang diperolehi tanpa mengambil kira risiko terhadap kesihatan umum dan alam sekitar.

Kesalahan sedemikian kerap kali berlaku. Kadang kala JAS menghadapi kesukaran untuk mengesan pihak-pihak yang bertanggungjawab dan menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos pelupusan buangan terjadual yang dijumpai. Walaupun OKS telah bekerjasama dengan JAS untuk membersihkan kawasan tersebut, ini merupakan suatu tindakan susulan yang diarahkan oleh JAS berdasarkan notis arahan yang dikeluarkan dibawah seksyen 31 AKAS 1974. Kerjasama OKS diberikan adalah atas arahan JAS dan bukan atas kesudiannya. Pencemaran tanah-tanah itu tidak dapat dipulihkan sepenuhnya dan mengambil masa yang panjang untuk memulihkannya. Kajian ke atas air daratan dan air bawah tanah perlu dilakukan untuk menentukan kualiti air daratan dan air bawah tanah tidak tercemar demi keselamatan dan kepentingan awam. Dalam hal ini Kerajaan perlu menanggung kos kajian ini jika OKS tidak mampu membayarnya.

Oleh itu, pihak pendakwa memohon suatu hukuman yang dapat mencerminkan keseriusan kesalahan ini dan dapat memberikan pengajaran kepada pihak kilang dan lain-lain industri supaya tidak membuang buangan toksik secara haram. Pihak pendakwa juga memohon Mahkamah membuat perintah supaya buangan terjadual yang telah dilupuskan diambil dan dihantar ke Kualiti Alam Sdn.Bhd untuk dilupuskan dan OKS diperintah supaya menanggung kos pelupusan buangan ini di bawah Seksyen 46E AKAS 1974.

## MAKLUMBALAS HUJAH PEGUAMBELA

Seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling mentafsirkan sebagai -

*"scheduled wastes" means any waste prescribed by the Minister in the regulations as scheduled wastes;*

*"waste" includes any matter prescribed to be scheduled waste, or any matter whether in a solid, semi-solid or liquid form or in the form of gas or vapour which is emitted, discharged or deposited in the environment in such volume, composition manner as to cause pollution.*

*"pollution" means any direct or indirect alteration of the physical, thermal, chemical, or biological properties of any part of the environment by discharging, emitting, or depositing environmentally hazardous substances, pollutants or wastes so as to affect any beneficial use adversely, to cause a condition which is hazardous or potentially hazardous to public health, safety, or welfare, or to animals, birds, wildlife, fish or aquatic life, or to plants or to cause a contravention of any condition, limitation, or restriction to which a licence under this Act is subject.*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa buangan terjadual adalah toksik dan dengan itu isu yang dibangkitkan oleh Peguambela adalah tidak berkaitan.

Jabatan Alam Sekitar tidak membenarkan buangan daripada XYZ Sdn.Bhd untuk dilupuskan di Southern Waste. Jabatan Alam Sekitar membenarkan buangan daripada syarikat lain (EFG Sdn. Bhd.) dihantar dan dilupuskan di Southern Waste. Buangan daripada XYZ hanya boleh dilupuskan di Kualiti Alam sahaja.

Mengenai isu yang dibangkitkan bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak mengeluarkan surat kebenaran kepada XYZ untuk melupuskan. Ini adalah kerana kebenaran tidak dapat dikeluarkan sementara menunggu kes ini selesai.

Mengenai isu sama ada kes ini boleh dikompaun atau tidak. Pihak pendakwa berhujah bahawa kesalahan dibawah Seksyen 34B AKAS 1974 bukanlah kesalahan ditetapkan oleh Y.B Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

Seksyen 45 AKAS 1974 memperuntukkan-

*"(1) The Director General or any Deputy Director General, or any other public officer or any local authority to whom the Director General has delegated such power in writing, may compound any offence under this Act or the regulations made thereunder which is prescribed by the Minister to be a compoundable offence by accepting from the person reasonably suspected of having committed the offence a sum of money not exceeding two thousand ringgit."*

Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 telah menyatakan bahawa-

*“ Every offence which consists of any omission or neglect to comply with or any act done or attempted to be done contrary to these Regulations may be compounded under section 45 of the Act”.*

Oleh itu, pihak pendakwa berhujah bahawa hanya kesalahan dilakukan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 sahaja boleh dikompaunkan, tetapi bukan bagi kesalahan dibawah seksyen 34B AKAS 1974. Sehubungan dengan itu, pihak pendakwa berhujah bahawa isu yang dibangkitkan oleh peguambela adalah tidak berkaitan dan harus tidak diambil kira oleh Mahkamah ini.

*Nota*

*Nota*

